



**UNIVERSITI TEKNOLOGY MARA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKLUMAT (KEPUJIAN)  
PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR MD  
HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI PULAU PINANG**

**NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA (2016652356)**

**NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI (2016652368)**

**MARCH 2017 - JULY 2017**

# ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.0 PENGHARGAAN	1-2
2.0 BIODATA	3-7
5.1 BIODATA PENEMUBUAL	
5.2 BIODATA TOKOH	
3.0 ABSTRAK	8-9
4.0 SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	10-11
5.0 PENGENALAN	12-14
6.0 KAJIAN LITERATUR	15-17
7.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	18-77
8.0 LOG TEMUBUAL	78-84
9.0 RALAT	85-86
10.0 RINGKASAN TRANSKRIP	87-89
11.0 DIARI PENYELIDIKAN	90-92
12.0 SENARAI SOALAN	93-96
13.0 INDEKS	97-102
13.0 RUJUKAN	103-104
14.0 LAMPIRAN	105-111

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan izin dan limpah kurniannya dapat juga kami menyempurnakan tugas bagi subjek IMR604 ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperolehi pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan dengan tugas ini iaitu temubual bersama Omar Bin Md Hashim (Omara) sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 mengenai biografinya dan juga mengenai boria. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pensyarah kami iaitu Dr. Azree Ahmad kerana beliau banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang kami menjalankan tugas ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kerana menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini samaada secara langsung ataupun tidak langsung. Segala bantuan yang telah anda hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan anda, tugas ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Sekian terima kasih.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# BIODATA PENEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



Nama : Nik Nurul Azyani Binti Zakaria

Alamat :

No Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perpustakaan (Kepujian)

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



Nama : NorFarhah Shahiera Binti Rosli

Alamat :

No Telefon :

Emel :

Program : Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Perpustakaan (Kepujian)

# BIODATA TOKOH

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



- Nama: Omar Md. Hashim
- Umur: 63 tahun
- Tarikh Lahir: 8 April 1954
- Tempat Lahir: Bukit Mertajam
- No. Telefon:
- Alamat:
  
- Emel:
- Status: Berkahwin
- Nama Isteri: Azizah Binti Osman
- Bilangan Anak: 4 orang

# ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi temubual kami bersama Omar Bin Md Hashim (Omara) mengenai biografinya, boria dan juga sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016. Transkrip ini juga mempunyai maklumat mengenai latar belakang beliau, sejarah pendidikan awal, sejarah pekerjaan awal, sejarah pelantikan Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 dan juga serba sedikit mengenai boria. Omar Bin Md Hashim atau lebih dikenali dengan panggilan Omara. Beliau berasal dari Pulau Pinang dan merupakan seorang penggiat kesenian, kebudayaan, warisan dan sastera terutama boria. Omara mula terlibat dengan boria sejak tahun 1964 ketika berumur 10 tahun. Boria dengan diri beliau tidak dapat dipisahkan umpama "irama dan lagu". Beliau juga aktif dalam penulisan terutama menulis rangkap karangan boria. Selain itu, Omara merupakan seorang pelakon sketsa boria dan drama radio, penulis skrip teater, drama radio dan tv. Beliau juga pengadil boria, nyanyian dan puisi serta sebagai penerbit buku, majalah dan album rakaman. Omara juga seorang penulis blog dan mengurus sendiri blog beliau iaitu Warisan Boria, Warisan Ghazal Parti, Di Sepanjang Riwayatku, Galapagos, Omara Norizeight Ventures dan lain-lain lagi. Tambahan pula, beliau juga menguruskan persembahan boria, ghazal parti, kesenian, kebudayaan dan persembahan artis. Omara telah menerima anugerah Tokoh Seni Budaya (Boria) Politeknik Seberang Perai 2014, Tokoh Seni Budaya (Boria) Karyawan Pulau Pinang 2014 dan Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 oleh Jabatan Kebangsaan Kesenian Negara (JKKN).

Kata kunci: *Omara, Tokoh Seni Budaya, Boria, Pulau Pinang*

# SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

### SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

Berikut adalah singkatan perkataan yang terdapat di dalam transkrip temubual bersama Encik Omar Md. Hashim atau Omara:

BIL	SINGKATAN	NAMA
1.	SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
2.	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
3.	STM	Syarikat Telekom Malaysia
4.	TM	Telekom Malaysia
5.	JAT	Jabatan Telekom
6.	PIBG	Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
7.	KL	Kuala Lumpur
8.	RTM	Radio Televisyen Malaysia
9.	U	Universiti
10.	SOKSO	Bual bicara
11.	SP ARENA	Seberang Perai Arena
12.	TV1	Radio Televisyen Malaysia 1
13.	TV	Televisyen
14.	MIC	Microphone
15.	JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
16.	VIP	Very Important Person

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# PENGENALAN

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Dokumentasi Lisan (IMR604) ini merupakan subjek yang memerlukan pelajar membuat sesi temubual untuk memenuhi kriteria subjek ini. Temubual tersebut diadakan bertujuan untuk menemubual tokoh atau individu yang berpengalaman dan arif mengenai sesuatu bidang atau perkara yang diceburi. Seterusnya, Kami telah bersepakat untuk memilih Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 yang merupakan seorang penggiat kesenian, kebudayaan, warisan dan sastera terutama boria.

Omar Md Hashim atau lebih dikenali sebagai Omara. Beliau dilahirkan pada 8 April 1954 di Bukit Mertajam. Beliau juga dibesarkan di Parit Buntar, Perak dan juga Bukit Mertajam. Omara mempunyai dua adik beradik. Isteri beliau bernama Azizah Binti Osman. Beliau berkahwin pada tahun 1978 dan dikurniakan 4 orang cahaya mata iaitu dua lelaki dan dua perempuan.

Temubual tersebut telah dijalankan selama 226 minit 02 saat. Penumpuan kajian ini lebih kepada sejarah pelantikan beliau sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016, berkaitan boria dan latar belakang beliau. Walaupun usia beliau mencecah 63 tahun namun beliau masih lagi aktif dengan aktiviti kesenian dan kebudayaan boria ini.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth pada tahun 1961. Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Dato' Onn, Butterworth pada tahun 1967 sehingga 1971. Beliau mula bermain boria pada tahun 1964, beliau pada ketika itu berada di Darjah 4 Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth. Pada tahun 1970, beliau telah menerima Johan Boria Pulau Pinang semasa berada di Sekolah Dato' Onn Butterworth. Kemudian pada tahun 1972, beliau telah melibatkan diri dengan Kumpulan Boria BISMA di Simpang Empat Bukit Tengah, Bukit Mertajam.

Seterusnya, pada tahun 1980an, beliau telah menjadi Ketua dan Pemimpin Kumpulan Boria KUDRAT Seberang Perai dan pada tahun 1990an, beliau telah membuat rakaman lagu-lagu boria dalam bentuk kaset dan cakera padat. Kemudian pada tahun 2000, beliau telah dilantik sebagai Ketua dan Pemimpin Kumpulan Boria BISTARI Butterworth iaitu membuat persembahan-persembahan boria di Radio Pulau Pinang dan Mutiara FM hingga sekarang.

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Kemudian, pada tahun 2005 pula, beliau menyertai Kumpulan Boria KOMBINASI Air Itam, Pulau Pinang dan Kumpulan Boria Warisan Budaya, Pulau Pinang dan tahun seterusnya, beliau telah menjadi penulis rangkap karangan dan juga pelakon sketsa yang telah membuat rakaman Boria Warisan oleh Pn. Ramlah bt Amir iaitu merupakan Ketua Penolong Setiausaha KPSU(PP)RD. Antara penulisan beliau ialah Budi Bahasa Budaya Kita, Susu, Mari Mengundi, dan Pahlawan Cangkul. Pada tahun 2007, Omara sebagai penceramah boria bahagian sketsa dan rangkap karangan untuk peserta-peserta Festival Boria Pemuda UMNO seluruh Malaysia.

Selain itu, beliau menyertai Kumpulan Boria Budayasari Pulau Pinang dan menubuhkan Kumpulan Boria Asli Pulau Pinang pada tahun 2008. Beliau juga melibatkan diri dalam Simposium Boria di USM Pulau Pinang dalam tahun 80an, Simposium Warisan Boria di Lumut, Perak pada tahun 2005. Pada ketika ini juga beliau menguruskan lagu, rangkap karangan dan sebagai Ketua Kumpulan Boria Asli Pulau Pinang serta Ghazal Parti untuk persembahan-persembahan Boria di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur sempena Majlis Penganugerahan Watikah George Town dan Melaka sebagai Bandar Warisan Dunia. Beliau juga menguruskan rakaman-rakaman dan dokumentari boria di Tv1, Astro Awani, Tv9, Klasik Nasional dan Mutiara FM serta memberi penerangan mengenai boria di Tv dan radio. Demi mengangkat martabat seni persembahan boria Pulau Pinang, Omara telah menghasilkan lagu-lagu boria dalam pelbagai tema untuk terbitan DBP.

# KAJIAN LITERATUR

Omar Md. Hashim telah dianugerahkan sebagai Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 pada November 2016 oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pulau Pinang (JKKN) di Majlis Penganugerahan Tokoh Seni Budaya yang bertempat di Hotel Royal Chulan, Pulau Pinang. Majlis tersebut telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YB Adun Pinang Tunggal, Dato Haji Roslan Bin Saidin, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, Encik Abdul Wahab Bin Hamzah, Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Dr. Hj Mohd Nazari B. Yaakob dan semua ahli seni budaya Pulau Pinang. Seramai 14 orang telah dicalonkan untuk menerima anugerah tokoh tersebut dan Omara telah dipilih sebagai tokoh.

Beliau dianugerahkan sebagai tokoh seni budaya kerana penglibatan beliau yang aktif dalam bidang seni budaya sejak dahulu sampai sekarang terutama usaha beliau untuk memartabatkan seni warisan Pulau Pinang iaitu boria. Beliau telah menerima sebuah trofi, wang tunai RM 5000 dan sijil penghargaan. Antara sumbangan yang telah melayakkan Omara mendapat anugerah tokoh adalah beliau menaikkan semula boria ketika boria mengalami penurunan dari segi pengaktifan dan penglibatan. Beliau menaikkan semula nama boria melalui blog beliau sendiri iaitu Warisan Boria pada 12 tahun yang lalu.

Sebelum itu, bapa kepada dua anak lelaki dan dua anak perempuan ini juga telah menerima anugerah Tokoh Seni Budaya (Boria) Politeknik Seberang Perai pada tahun 2014. Penyampaian anugerah tokoh tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang. Selain itu, penganugerahan tersebut telah memberi semangat kepada beliau untuk terus aktif dalam bidang seni budaya dan menaikkan lagi seni warisan Boria.

Sebagai Tokoh Seni Budaya, beliau berharap apabila melakukan sesuatu, generasi muda kini hendaklah melakukan dengan bersungguh-sungguh, janganlah melakukan sambil lewa seperti hanya sekerat jalan serta fokus dan tetapkan hati kepada perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada diri kita maka barulah kita boleh berjaya. Selain itu, untuk berjaya, hendaklah kita bersusah dahulu maka barulah kita boleh berjaya di kemudian hari. Pada tahun 2008, beliau telah menubuhkan kumpulan beliau sendiri iaitu Kumpulan Boria Asli

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Pulau Pinang. Boria dengan diri beliau tidak dapat dipisahkan umpama “irama dan lagu”. Selain itu, beliau juga turut mereka puisi serta rangkap karangan dalam boria. Beliau juga pernah menjadi tukang karang dan sailor. Semasa berada di Tingkatan 1, beliau telah menyertai pasukan boria sekolah dan telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan. Oleh itu, menurut Omara bagi syarat-syarat untuk menyertai boria, seseorang itu hendaklah mempunyai bakat dan juga minat yang mendalam terhadap boria. Selain itu, bilangan anggota sebuah kumpulan boria pada masa kini adalah antara 15 ke 20 orang berbanding pada masa dahulu di mana bilangan anggota sebuah kumpulan adalah seramai 80 orang.

Selain daripada itu, beliau menceritakan bahawa boria mempunyai sketsa di mana di dalam sketsa itu perlu ada masalah dan penyelesaian. Beliau juga turut menceritakan watak-watak yang memainkan peranan dalam sketsa boria. Antara watak-watak dalam kumpulan boria adalah pembangkang dan penasihat. Manakala dari segi tema pula, boria tidak mempunyai tema bebas dan tidak tetap di mana kumpulan boria akan mengikut permintaan penganjur bagi setiap tema yang ingin dipersembahkan. Dari segi warna pula, boria juga tidak mempunyai warna yang tetap kerana boria adalah berwarna-warni.

Omara mempunyai dua orang idola yang telah dicontohi dan dikagumi dalam bidang seni boria iaitu Hj. Abu Bakar Bin Jaafar atau lebih dikenali sebagai Pak Kar yang merupakan salah seorang Tokoh Boria dan Abdullah Darus atau Pak Lah yang juga merupakan Tokoh Boria di mana beliau banyak mendapat pengalaman dan ilmu tentang boria melalui mereka. Selain itu, Omara mendapat ilham untuk menulis skrip dan rangkap karangan boria di mana beliau perlu mengetahui jalan cerita yang akan dipersembahkan. Untuk satu rangkap karangan, beliau boleh mengambil masa 10 minit untuk menyiapkannya bergantung kepada jalan cerita yang ingin dipersembahkan. Demi mengangkat martabat seni persembahan Boria Pulau Pinang, Omara telah menghasilkan lagu-lagu boria dalam pelbagai tema untuk terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# TRANSKRIP TEMUBUAL

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Berikut adalah rakaman temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Nik Nurul Azyani Bin Zakaria dan NorFarhah Shahiera Binti Rosli mengenai latar belakang beliau, sejarah pendidikan awal, sejarah pekerjaan awal, sejarah pelantikan Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016 dan juga serba sedikit mengenai boria. Temubual ini telah dijalankan di Tesco Extra Seberang Jaya di dalam sebuah Restoran iaitu Restoran Authentic pada tarikh empat belas haribulan lima tahun dua ribu tujuh belas (14 Mei 2017) jam sepuluh lima belas minit pagi (10.15).

**Azyani** : Firstly [yang pertama] sekali latar belakang encik.

**Farhah** : Kami tanya hat [yang] yang tak [tidak] terdapat—dapat dalam biografi tu [itu].

**Azyani** : Bilakah encik dilahirkan?

**Encik Omara** : Saya dilahirkan lapan haribulan April tahun satu sembilan belas lima empat (8 April 1954).

**Azyani** : Dimanakah tempat encik dilahirkan?

**Encik Omara** : Dilahirkan di Bukit Mertajam.

**Azyani** : Bukit Mertajam. Encik dibesarkan dimana?

**Encik Omara** : Dibesarkan di dua tempat, satu di Parit Buntar, Perak satu di Bukit Mertajam.

**Azyani** : Oohh (mengiyakan). Dimanakah encik menetap sekarang?

**Encik Omara** : Sekarang saya menetap di-- Taman Pauh, Permatang Pauh, Seberang Perai.

**Azyani** : Aaaa. Apakah hobi encik pada masa lapang?

**Encik Omara** : Hobi sebenarnya saya takdak [tidak ada] satu hobi yang khas, cuma saya bergiat di bidang seni apa yang saya buat ni [ini] sebagai hobi la jugak kot.

**Azyani** : Hobi. Ohh okay. Kenapakah encik emm mengem-- menggemari hobi tersebut macam yang bidang seni..

Encik Omara : Bidang seni? (bertanya)

**Azyani : Haa [Ya] bidang seni.**

Encik Omara : Saya dari zaman kanak-kanak dari sekolah rendah tu [itu] memang saya dah [sudah] minat seni semua seni budaya--bukan kata seni yang di Pulau Pinang saja seni-seni lain termasuk bangsa lain pun termasuk Cina ka [ke], India ka [ke] apa ka [ke] saya minat--dari situ saya macam tak [tidak] boleh kalau ada kawan-kawan macam sekolah rendah--jadi kawan-kawan bukan cerdik sangat macam saya pun tak [tidak] cerdik sangat tapi kalau depa [mereka] bercakap kalau macam bunyi benda tu [itu] macam menghina benda-benda seni ni [ini] saya memang lawan balik, saya kata tak [tidak] boleh kita tak [tidak] boleh ni [ini] kita kena jaga sebab ini adalah warisan kita, jadi start [mula] dari situ saya dah [sudah] mula cakap tentang seni warisan dah. Cara budak-budak la. Lepas tu mai [masuk] sekolah menengah dia cerdik sikit..

**Azyani : Hihhi (Ketawa kecil)**

Encik Omara : Mai [Masuk] remaja saya pun masuk macam-macam persatuan jadi saya pun teruslah benda tu [itu] saya tak [tidak]..tak [tidak] berubah..semakin..

**Azyani : Mendalam minat..(menyampuk)**

Encik Omara : Mendalam sehingga sekarang ni [ini].

**Farhah : Oohh (mengiyakan). Betul-betul minat lah kan?**

Encik Omara : Haa [Ya] betui-betui [betul-betul] minat.

**Azyani : Siapakah nama bapa encik?**

Encik Omara : Md Hashim Bin Taib.

**Azyani : Siapakah nama ibu encik?**

Encik Omara : Ibu saya Joriaa J-O-R-I-A-A. Joriaa Binti Shafiee.

**Azyani : Ibu bapa encik berasal dari mana?**

Encik Omara : Ibu bapa saya berasal dari--kalau bapa saya Bukit Mertajam. Mak saya ni [ini] di Parit Buntar, Perak.

**Azyani**

**& Farhah : Ooo..Parit Buntar, Perak.**

**Azyani : Apakah pekerjaan ibu bapa encik?**

Encik Omara : Bapa saya dulu [dahulu] dia bekerja di Telekom dan mak saya tak [tidak] kerja [bekerja] apa la.

**Farhah : Tak [Tidak] kerja [bekerja]..suri rumah la?**

Encik Omara : Yaa. (menganggukkan kepala)

**Azyani : Berapakah bilangan adik-beradik encik?**

Encik Omara : Adik-beradik saya dari bapa dan ibu yang sama tu [itu] dua orang ja [sahaja], kami dua beradik tapi bapa saya dulu [dahulu] isteri dia dulu [dahulu] meninggal [meninggal]--pasai [pasal] dia kahwin yang pertama dulu [dahulu]--dia kahwin yang pertama dia ada dua--dua--dia ada kakak dan--dua oghang [orang] kakak. Lepaih [Lepas] tu [itu] bila meninggal [meninggal], dia kahwin pulak dengan mak saya ni [ini]--saya dengan adik saya dua-dua oghang [orang] lelaki la. Lepaih [Lepas] tu [itu]--err lepaih [lepas] mak saya meninggal [meninggal], bapak saya kahwin pulak dapat dua lagi adik saya--soghang [seorang] lelaki soghang [seorang] pompuan [perempuan]. Jadi kalau anak kepada--satu bapak dan ibu yang sama, kami dua beradik ja [sahaja] la.

**Farhah : Dua beradik ja [sahaja] la.**

Encik Omara : Hmm. (menganggukkan kepala)

**Azyani : Apakah--siapakah nama isteri encik?**

Encik Omara : Nama isteri saya Azizah Binti Osman.

**Azyani : Apakah pekerjaan isteri encik?**

Encik Omara : Tak [Tidak] bekerja. Dia suri rumah ja [sahaja].

**Azyani : Bilakah encik mendirikan rumah tangga?**

Encik Omara : Saya mendirikan rumah tangga--(haa yang ni lupa sikit--haa hahaha (ketawa kecil)

**Azyani**

**& Farhah : Hahaha (Ketawa kecil)**

Encik Omara : Patut kena ingatkan. Sat ar [Sekejap ya]--err (berfikir) taun [tahun] seribu sembilan ratus tujuh puluh lapan (1978).

**Azyani : Tujuh puluh lapan?**

Encik Omara : Haa. [Ya]

**Azyani : Encik dan isteri encik dikurniakan berapa orang cahaya mata?**

Encik Omara : Empat orang.

**Azyani : Empat orang. Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Encik?**

Encik Omara : Hmm. (berfikir) Maksud saya dari segi apa? Anak-anak--(bertanya)

**Farhah : Err--start [mula] sulung umoq [umur] berapa...tu [itu] jaa [sahaja].**

Encik Omara : Haa [Ya] tu [itu]--yang dia ada dua lelaki dua perempuan. Yang sulung lelaki--err (berfikir) tapi kalau saya--ingatan saya kurang sikit [sedikit]...umoq [umur] dia berapa saya lupa--tiga puluh lebih la--tiga puluh.

**Farhah : Owh (mengiyakan) tiga puluh (30) lebih dah. Besaq [Besar] dah la.**

Encik Omara : Haa [Ya]. Dia lahir tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh lapan (1978). Eh saya kahwin tujuh puluh lapan (78) kan? Dia lahir tujuh puluh sembilan (79).

**Azyani : Haa (mengiyakan) tujuh puluh sembilan.**

Encik Omara : Jadi tujuh puluh sembilan (79). Kita kira--tengoklah.

**Azyani : Tiga puluh enam (36)--tiga puluh tujuh (37).**

Encik Omara : Tiga puluh tujuh (37)?

**Azyani : Haa [Ya] tiga puluh tujuh (37).**

Encik Omara : Pastu [Lepas itu] anak yang kedua pompuan [perempuan]. Err (berfikir) lima taun [tahun] selepas tu [itu], jadi--

**Farhah : Beza banyak la. (menyampuk)**

Encik Omara : Beza lima taun [tahun]. Lepaih [Lepas]--

**Azyani : Hmm (mengiyakan) beza lima taun [tahun]. Tujuh puluh sembilan (79)..lapan puluh..lapan puluh..lapan puluh empat (84).**

**Farhah : Lapan puluh lim..lapan puluh empat..haa [ya] lapan puluh empat.**

Encik Omara : K [Ok]. Pastu [lepas itu] anak yang ketiga lima taun [tahun] lagi selepas tu [itu].

**Azyani : Lima taun [tahun] jugok [juga]? Haa. (mengiyakan)**

Encik Omara : Haa [Ya] lima taun [tahun].

**Farhah : Hmm (mengiyakan) lima taun [tahun] jugok [juga].**

**Azyani : Lapan puluh empat..lapan puluh..sembilan.**

**Farhah : Lapan puluh sembilan (89).**

**Azyani : Lapan puluh sembilan (89). Yang bongsu?**

Encik Omara : Haa [Ya] ya betui [betul]. Lapan puluh sembilan (89). Lepaih [Lepas] tu [itu], ada orang dapat dan kalah. Pastu [Lepas itu] anak yang bongsu ni [ini]—err (berfikir) dia tak [tidak] lima taun [tahun] la. Dia lebih sikit..dia taun [tahun] seribu sembilan ratus sembilan puluh (1990)--dua atau sembilan puluh tiga macam tu. Lebih kurang.

**Farhah** : Hmm (mengiyakan) lebih kurang kami la. Haha (Ketawa kecil). Haa duk [tengah] study [belajar] lagi la.

**Azyani** : Haa [Ya] lebih kurang kami.

Encik Omara : Haa [Ya]. Berapa? Umoq [Umur] berapa?

**Farhah** : Err taun [tahun] sembilan puluh empat (94).

Encik Omara : Umoq [Umur] berapa?

**Farhah** : Umoq [Umur] dua puluh tiga. Ni dua puluh empat.

Encik Omara : Haa (mengiyakan) lebih kurang--sama.

**Azyani** : Taun [Tahun] sembilan puluh tiga (93). Haa [Ya] lebih kurang la.

Encik Omara : Haa [Ya] ya. Tu [Itu] yang bongsu la.

**Farhah** : Duk [Tengah] mengaji [belajar] lagi la.

Encik Omara : Haa [Ya] dak [tidak]. Dia baru [baru]--baru [baru] kerja. Duk [Tengah] mengaji [belajar] la tapi [tetapi] dia duk [tengah] tunggu..ni [ini] sementara ni [ini] dia kerja sat [sekejap].

**Farhah** : Kerja dulu [dahulu]. Yang sulung pun dah kahwin dah la?

Encik Omara : Yang sulung dah kahwin. Ada--baqu [baru] dapat sorang [seorang] anak dan cucu saya la.

**Farhah** : Haa (mengiyakan) cucu.

Encik Omara : Pastu [Lepas itu] yang kedua tadi dapat sorang [seorang] anak jugak..cucu yang kedua. Yang ketiga tadi..pompuan [perempuan] jugak [juga] tadi. Dia--dapat dua orang anak. Err (berfikir) dan yang bongsu ni [ini] belum lagi.

**Farhah** : Tak [Tidak] kahwin lagi.

Encik Omara : Saya ada empat orang cucu.

**Farhah**

**& Azyani : Empat orang cucu.**

Encik Omara : Empat anak, empat cucu, satu isteri. Hihhihi (Ketawa kecil)

**Azyani**

**& Farhah : Hikhikhik (Ketawa)**

**Farhah : Boleh satu lagi.**

Encik Omara : Boleh empat jugak [juga] kan. Kalau tidak empat empat empat.

**Azyani : Empat jugak. Takpa [Tidak apa] la tu [itu].**

Encik Omara : Saya akan cukupkan bagi semua team [pasukan] balance [seimbang].

**Farhah : Amboi. Hikhikhik (Ketawa)**

**Azyani : Tapi [tetapi] isteri satu la. Hikhikhik (Ketawa)**

Encik Omara : Setakat la [sekarang] satu. Hihhihi (Ketawa kecil)

**Farhah : Ada lagi jugok [juga] nohh [kan]**

Encik Omara : Haa [Ya] tak [tidak] boleh kata. Melawak. Hihhihi (Ketawa kecil)

**Azyani : Jadi--anak sulung lelaki, yang pompuan [perempuan]--pompuan [perempuan] pastu [lepas itu] lelaki balik--ok.**

Encik Omara : Yaa [Betul] kedua pompuan [perempuan]--pompuan [perempuan]--lelaki balik.

**Farhah : Pastu [selepas itu] start [mula] dengan sejarah pendidikan awal encik.**

Encik Omara : Haa-- yaa..

**Farhah : Bilakah encik mula-mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan?**

Encik Omara : Tahun seribu sembilan ratus enam puluh satu (1961). Ya sekolah rendah, dulu takdak [tiada] tadika apa terus ke sekolah.

**Farhah : Nama sekolah rendah?**

Encik Omara : Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth.

**Farhah : Aaa..pada tahun berapakah encik mula masuk ke sekolah menengah?**

Encik Omara : Saya masuk sekolah menengah tahun seribu sembilan ratus enam puluh tujuh  
(1967)

**Farhah : Ok..nama sekolah menengah itu?**

Encik Omara : Sekolah Dato' Onn Butterworth-- Dato' Onn-- kalau sekaqang [sekarang] ni kita  
ada SMK tapi [tetapi] dulu dia tak [tidak] sebut. Dia sebut Sekolah Dato' Onn,  
Butterworth macam sekolah menengah la.

**Farhah : Ketika sekolah menengah adakah encik ada mengikuti apa-apa aktiviti  
ataupun persatuan berkenaan seni dan budaya?**

Encik Omara : Aaa.. saya masa sekolah menengah saya cuma masuk Persatuan Agama  
Islam. Haaa setelah tu Persatuan Bahasa Malaysia..aaa..dua tu saja.

**Farhah : Ohhh. Dua tu saja [sahaja]?**

Encik Omara : Haa dua tu [itu] saja yang saya masuk masa sekolah menengah.

**Farhah : Ohh..seni budaya tak dak [tiada] la masa tu?**

Encik Omara : Emm..masa tu tak dak [tiada] kot [rasanya]. Kalau ada saya masuk tapi saya tak  
[tidak] aktif dalam seni budaya dah masa tu daqi [dari] sekolah rendah saya dah  
aktif saya dah start [mula] boria daqi [dari] darjah lima. Ha jadi masa sekolah  
menengah pun saya boria selain daqi [dari] boria, saya menulis puisi.

**Farhah : Ohh..puisi..**

Encik Omara : Sajak puisi apa semua. Aaa...dan benda-benda tu [itu] semua saya bawak  
[bawa] sampai haqini [hari ini] la. Daqipada [daripada] di sekolah tu [itu]. Sekolah

menengah. Boria daqi [dari] sekolah rendah yang saya bawak [bawa] sampai haqini [hari ini].

**Azyani : Kira cik ada pernah menyertai pertandingan? Aaa..**

Encik Omara : Pertandingan ada masa--

**Azyani : Aaa..pertandingan.**

Encik Omara : Bersama berkumpul la macam di tingkatan satu kumpulan boria kami menang di peringkat Negeri Pulau Pinang boria. Tu [itu] semua benda tu [itu] la yang menitikkan semangat saya untuk terus lagi.

**Azyani : Untuk teruskan..**

Encik Omara : Sebab berjaya-berjaya kan. Ada yang kalah.

**Farhah : Ada yang kalah tapi [tetapi] tiap-tiap tahun mesti masuk la noh [kan]?**

Encik Omara : Yang berjaya la nampak deqas [laju] sikit. Yang kalah tu pelan [perlahan] sikit la.

**Farhah : Ya laa. Adakah pengalaman encik semasa mengikuti aktiviti persatuan semasa sekolah menengah dahulu telah memberi sedikit sebanyak meningkatkan diri encik ketika zaman remaja?**

Encik Omara : Sehingga ke zaman remaja?

**Farhah : Emm..**

Encik Omara : Yaa--betoi [betul]. Sejak daqipada [daripada] situ walaupun--aaa-- apa yang saya buat masa tu--aaa-- bukan semua-- sebab saya masih sekolah kan. Jadi saya banyak oqang [orang] kata membuang masa bukan masa belajaq [belajar] pun ada peristiwa yang saya tak [tidak] dapat lupa. Macam bila guru mengajaq [mengajar] di depan, saya nanti bukak [buka] buku kita buku besa [biasa] ni ada yang kosong tu kan-- disitu dengan kerja semua saya tulis bentuk macam bentuk pantun, puisi ka [ke] saya tulis-tulis-tulis.

**Farhah : Start [mula] daqi [dari] situ yang minat.**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Pastu [selepas itu] kan saya dengaq [dengar] sekali tu semua diam. Semua orang diam. Saya dok [tengah] buat lagi. Tau-tau [Tahu-tahu] panggg (pukul meja) kata cikgu tu [tersebut] pukoi [pukul] dengan pembaris. Saya dulu kayu.

Azyani : Hahahaha..(ketawa) haa-haaa

**Farhah : Ohh kayu.. (menyampuk)**

Encik Omara : Dia pukoi [pukul] terkejut saya. Semua oqang [orang] tengok tapi [tetapi]-- apa yang saya buat tu [itu], saya bawak la sampai haqini [hari ini], sampai saya boleh bergiat dalam seni, boleh juga saya jadi sebagai pendapatan saya juga. Saya menulis untuk oqang [orang]. Oqang [orang] suquh [suruh] tulis apa semua sampai la dah beratus la yang saya ni semua berpunca daqipada [daripada] yang kena pukoi [pukul] lah. Saya satu-satu benda, saya tak [tidak] buat sekerat jalan sebab ada kawan-kawan saya yang kita nampak dia aktif dalam satu benda tu dalam peringkat oqang [orang] kata. Lepaih tu [selepas itu] bila dia besaq [besar] dia ubah [berubah] dah.

**Farhah : Haa--betoi [betul]..**

Encik Omara : Dia tak mau [tidak mahu] dia tak [tidak] minat dah, dia berubah dah. Saya dak [tidak], saya start [mula] benda tu macam tu lah dan semakin--semakin la ni [sekarang ini] saya semakin aktif kalau banding dengan dulu kata sederhana tu-- la ni [sekarang ini] lagi lebih.

**Farhah : La ni [sekarang ini] pun dok [memang] tulis lagi la noh [kan] puisi tu?**

Encik Omara : Ha [Ya] tulis, atau apa-apa saja la atas aktiviti ni kan. Macam yang paling terbaru boria yang Malaysia Book of Records tu. Kami buat di stadium dengan Jabatan Pendidikan guna saya punya lirik la atau rangkap boria ni. Yang saya pelik, boria tu dia pecah rekod Malaysia empat ribu seratus lima puluh (4150) orang yang terlibat buat persembahan di stadium. Ha jadi benda tu--aa saya seronok la sebab hasil saya tu sampai ke peringkat sampai macam tu kan jadi nama saya pun tercatit dalam Malaysia Book of Records sebagai penulis rangkap karangan boria

yang begitu ramai..ramai..ha tu salah satu contoh la. Yang lain-lain tu macam-macam la. Kira radio, tv [televisyen].

**Farhah** : **Tv [televisyen] pun dok [selalu] selalu jugak [juga] la?**

Encik Omara : Tv [televisyen] banyak. Yang tak [tidak] keluaq [keluar] lagi la dok [selalu] ada dalam dua puluh rancangan yang tak [tidak] keluaq [keluar] lagi di tv [televisyen].

**Farhah**

**& Azyani** : **Huiii....**

Encik Omara : Dan minggu depan pun ada orang nak mai [datang] shooting [penggambaran] saya minggu depan. Kisah riwayat hidup saya. Saya kena berlakon semula la mungkin. Sekolah pa [apa] saya kena p [pergi] balik. Sekolah rendah pun saya kena cerita balik.

**Farhah**

**& Azyani** : **(ketawa).. Berlakon balik.**

Encik Omara : Depa [Mereka] nak [hendak] buat cerita pasai [kisah] saya.

**Farhah** : **Nak buat cerita pasai [kisah] cik la kan**

Encik Omara : Ha [yaa] pasai [kisah] saya.

**Farhah** : **Kat tv [televisyen] tu?**

Encik Omara : Ha [yaa] pasai [kisah] saya. Tokoh macam tu la. Kalau benda tu dah ada dah senang boleh rujuk hat [yang] tu ja.

**Farhah** : **Ha tu laa...**

Encik Omara : Jadi Alhamdulillah laa. Oqang [orang] kata apa yang saya buat dari zaman kanak-kanak remaja apa sampai la ni [sekarang ini], haa [yaa] benda tu kerana saya meneruskan benda tu benda tu telah bawak [membawa] hasil kepada saya. Jadi aa-- bukan benda tu bukan sia-sia saja. Saya dah dapat buktikan kira dekat

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

keluarga, dekat kawan-kawan apa semua, apa yang saya buat tu tak [tidak] sia-sia. Walaupun aa-- soalan tu [itu] pendek tapi saya jawab terlebih sikit.

**Farhah : Haa takpa-takpa [tak apa-tak apa].**

Encik Omara : Walaupun di kampung saya masa peringkat zaman remaja apa orang tak [tidak] peduli saya sebab saya suka bersendirian jadi kalau saya p [pergi] kalau kata kenduri, p [pergi] apa pun orang tak [tidak] layan, orang buat tak [tidak] reti [peduli]. Orang tak [tidak] sembang dengan saya. Jadi saya p [pergi] saya makan saya diam tengok orang tak [tidak] peduli saya balik. Saya buat apa semua sendiri sorang-sorang [seorang] dirumah. Jadi benda yang tu sekarang la ni [sekarang ini], orang-orang saya dah keluaq [keluar] dah tak [tidak] duduk kampung [kampung] dah, semua depa [mereka] bangga balik. Depa [mereka] kata hui tak [tidak] sangka Omara qpanya [rupanya] dulu [dahulu] dia macam ni macam ni. Oqang [orang] dah mula hormat saya balik dah. Semua..

**Farhah : Tak [tidak] sangka..**

Encik Omara : Kalau p [pergi] dimana pun saya oqang [orang] sambut lebih. Kalau dulu sapa [siapa] pun tak [tidak] pandang.

**Farhah : Yala. Dulu tak-tak [tidak] terkenal.**

Encik Omara : Haaa [yaa] tak [tidak] terkenal. Pendiam... Saya dulu pendiam. Memang. Amat-pendiam. Oqang [orang] tanya sepatih saya jawab sepatih. Ni tanya sepatih saya jawab sepuluh patah.

**Farhah**

**& Azyani : Hahahah dulu dengan sekarang lain dah.**

Encik Omara : Hahahah lain dan beza. Memang berbeza. Saya rasa dulu saya tua la [sekarang] saya muda.

**Farhah**

**& Azyani : Hahahahah**

Encik Omara : Tua. Saya tengok gambaq-gambaq [gambar-gambar] lama saya kan.

**Azyani : Haa [yaa]**

Encik Omara : Banyak saya kata alamak tua. Nampak tua. Saya tengok gambaq [gambar] yang baqu [baru] saya kata, saya la peqasan [perasan] kan, peqasan [perasan] sendiri.

**Farhah : Awek muda. hahahaha**

Encik Omara : Saya tengok saya qasa [rasa] muda. Sebab aktif saya dengan saya boleh senyum jugak. Tapi dulu saya payah senyum. Oqang [orang] tengok, saya tengok gambaq-gambaq [gambar-gambar] saya muka semua masam. Macam masa macam ni, macam saya suka duduk soqang-soqang [sorang-sorang]. Tapi la ni [sekarang ini] qasa [rasa] qamai [ramai] sebab aktif dalam bidang seni qamai [ramai] kawan-kawan dan oqang-oqang [orang-orang]-- saya ni saya kumpulan boria tarian apa semua pun semua remaja. Kiqa [kira] macam-macam ni la jugak [juga]. Semua remaja.

**Farhah : Yang paling apa oqang [orang] kata-- paling.. paling tua umoq [umur] beqapa? [berapa]**

Encik Omara : Yang--

**Farhah : Kumpulan cik.**

Encik Omara : Yang-- dalam kumpulan saya paling tua tu saya la kiqa [kira] kot. Yang-- yang depa—depa [mereka] tu dua puluh--- lebih. Yang paling tua tu [itu] pun dekat 30an.

**Farhah : Dia ada had-had umoq [umur] la?**

Encik Omara : Tak dak-- tak dak [tidak ada]. Tapi [tetapi] dia kumpulan tu saya nak bagi sama nampak sama, saya ambik [ambil] yang sebaya.

**Farhah**

**& Azyani : Emmm..**

Encik Omara : Dan saya dengan oqang-oqang [orang-orang] saya ni saya semua pompoan [perempuan]. Depa [mereka] semua pompoan [perempuan]. Saya soqang [seorang] ja [laki].

**Farhah : Ooo.. pompoan [perempuan]?**

Encik Omara : Pompoan [perempuan]. Jadi depa [mereka] semua jadi dengan saya semua macam kawan. Kami boleh bercakap kami tak dak [tidak ada] protokol tak dak [tidak ada] macam nak [hendak] hormat-hormat, saya tak [tidak] bagi [beri]. Depa [mereka] boleh kata apa ja [sahaja] kat [kepada] saya. Takpa [tidak mengapa]. Nak kata pa [apa] nak bercakap hang [awak] ka. Depa [mereka] panggil Cik Omara la. Semua oqang [orang] panggil Cik Omara, ha [yaa] paihtu [selepas tu] lain depa [mereka] masa melawak depa [mereka] nak [hendak] kata pa [apa] ka jadi kami macam sekali la. Tak dak—tak dak [tiada] macam beza apa- apa. Jadi tu saya qasa [rasa] saya muda kot.

**Farhah**

**& Azyani : Hikhikhik..**

Encik Omara : K [Ok] takpa [tidak mengapa] teruskan lagi.

**Farhah : Aaa.. Adakah encik ada memegang apa-apa jawatan didalam persatuan semasa sekolah menengah dahulu?**

Encik Omara : Emm--Aaaa.. masa sekolah menengah cuma ahli jawatan kuasa dan setiausaha.

**Farhah : Persatuan?**

Encik Omara : Tu sekolah kan? Kalau remaja nak jawab?

**Farhah : Ha [yaa].. boleh.**

Encik Omara : Kalau masa remaja tu saya besa [biasa] jadi ahli jawatankuasa, bendahari dan last [akhir] sekali Yang Dipertua lah. Satu kumpulan saya yang-- bagi saya popular masa tu. Nama kumpulan Seni Budaya dan drama rakyat ataupun ringkasan dia Kudrat Rantai. Yang tu masa tu saya jadi Yang Dipertua. Kumpulan tu aktif masa zaman tu. Kami macam-macam kami buat. Aktif peringkat Pulau Pinang ni kami aktif la.

**Azyani : Kiranya kumpulan tu yang se-- se selepas sekolah la? Ka [Ke] time [masa] sekolah?**

Encik Omara : Selepas sekolah.

**Azyani : Selepas sekolah tu?**

Encik Omara : Haa [yaa]-- yang di sekolah saya cuma dua persatuan tu ja. Persatuan Bahasa Malaysia dengan Persatuan-- aaa.. agama islam. Tu ja [itu sahaja].

**Farhah :Adakah encik pernah dapat apa-apa anugerah ataupun peng-- pengiktirafan ketika menuntut di sekolah tersebut?**

Encik Omara : Di sekolah--tak dak [tidak ada].

**Farhah : Tak dak [tidak ada]? Sekolah menengah pun tak dak [tidak ada]?**

Encik Omara : Sekolah menengah pun tak dak [tidak ada].

**Farhah :Selepas encik menamatkan zaman persekolahan, adakah encik melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?**

Encik Omara : Saya setakat [hanya] SPM ja [sahaja].

**Farhah : Oohh.. SPM ja [sahaja]..**

Encik Omara : Yaa. Kiqa [kira] haqini [hari ini] saya lebih rendah daqipada [daripada] Farhah dengan Azyani la. Saya sebab tak [tidak] sampai universiti kan. Saya SPM ja [sahaja].

**Farhah**

**& Azyani** : Hehehe. Haihh.. tak dak [tidak]. Hehehe.

**Farhah** : Apakah pandangan keluarga encik serta adik beradik yang lain dalam bidang yang encik ceburi?

Encik Omara : Pandangan?

**Farhah** : Haa [yaa] pandangan.

Encik Omara : Aaa. Saya nampak, keluarga saya bagi sokongan-- dan ada pada satu masa yang dulu [dahulu] anak-anak saya semua terlibat. Terlibat dalam persembahan saya apa semua terlibat. Tapi bila yang dah kahwin. Yang susah dengan anak kan. Cucu saya tu. Jadi.. anak-anak saya dah tinggai [tinggal] la. Cuma saya ada orang [orang] luar [luar] saja la tapi [tetapi] bila [apabila] saya buat apa-apa, macam satu persembahan yang macam perlukan tenaga yang ramai [ramai], haa anak-anak saya akan bantu balik. Depa--depa [mereka] akan ada balik. Dan keluarga saya pun macam isteri saya sentiasa bagi sokongan, dan dia tak [tidak] pernah-- ada halangan la kalau saya apa-apa kalau saya buat walaupun saya kena p [pergi] di luar [luar] la di KL [Kuala Lumpur] ka [ke] dimana saya p [pergi] berapa [berapa] lama ka [ke]. Apa pun isteri saya dalam bidang ni dia tak [tidak] kisah. Haa tak dak [tiada] masalah apa.

**Farhah** : Pastu [selepas itu] anak-anak cik ada dak [tidak] macam-- apa terjebak dengan ni seni budaya ni?

Encik Omara : Tu la cuma bila saya minta tolong depa [mereka] ikut. Tapi [tetapi] nak [hendak] kata depa [mereka] betoi-betoi [betul-betul] depa [mereka] aktif tu tak dak [tidak]. Cuma depa--depa [mereka].. Aaa.. suka depa [mereka] -- aaa-- membantu saya dalam benda ni. Tapi depa [mereka] tidak ni sendiri-- sendiri depa [mereka] tak [tidak] pilih. Depa [mereka] akan-- maksudnya depa [mereka] buat benda biasa [biasa] depa [mereka] la. Amalan depa [mereka].

**Azyani** : Kiqa [kira] yang ni kiqa [kira] macam sampingan la depa [mereka] buat time [waktu] cik minta tolong depa [mereka] tolong.

Encik Omara : Haa [yaa] time [waktu] minta tolong depa [mereka] tolong.

**Farhah : Pastu [selepas itu] aa sebelum ni pun mak pak cik [ibu bapa] tak dak [tidak ada] la?**

Encik Omara : Ha tak dak [yaa tidak ada]. Depa [mereka] pun tak dak [tiada] bidang seni.

**Farhah : Ooo tak dak [tiada]. Start [bermula] daqi [dari] cik la..**

Encik Omara : Adik saya soqang [sorang] yang mengikut sama apa yang saya buat. Saya boria dia boria. Saya terlibat Ghazal Parti dia Ghazal Parti. Apa dia pelawak. Dalam boria dia pelawak dalam Ghazal Parti dia pun pelawak. Kiqa [kira] dia mengikut semua la cuma dia tak [tidak] dapat gelaran apa-apa sebab dia hanya mengikut ja dia tak [tidak] buat. Dia tak--tak [tidak] menguruskan tak pa dak.

**Farhah :Dia ikut la..**

Encik Omara : Dia ikut ja [sahaja].

**Azyani : Sekarang dia adik encik tu sekali la dengan-- kumpulan encik sekarang ni?**

Encik Omara : Haa [yaa] dalam kumpulan bila [apabila] saya panggil, kalau macam dalam boria dia ada sketsa, sebab dia boleh dia pelawak dia boleh berlakon haa [yaa] saya taqik [tarik] dia la. Haa [yaa] kalau ada dia dengan saya kiqa [kira] ada dua oqang [orang] la lelaki.

**Farhah**

**& Azyani : Ooooo..**

Encik Omara : Haaa.

**Azyani : Err (berfikir) bolehkah Encik ceritakan serba sedikit tentang kehidupan Encik sebelum mendapat pekerjaan yang tetap?**

Encik Omara : Sebelum bekerja dulu?

**Azyani : Haa [Ya] sebelum bekerja dulu.**

**Farhah : Lepas habis SPM dulu. (menyampuk)**

Encik Omara : Saya masa sekolah--saya menganggur setaun [setahun] ja [sahaja].

**Azyani : Setahun ja [sahaja]. (mengiyakan)**

Encik Omara : Setaun [Setahun] ja [sahaja] yang saya takdak [tidak ada] kerja apa. Hmm (berfikir) jadi pekerjaan sebelum tu [itu] takdak [tidak ada] la. Saya tak [tidak] kerja apa. Lepas sekolah saya takdak [tidak ada] kerja menganggur. Lepas setaun [setahun] tu [itu] saya dapat kerja teruih [terus] la. Taun [Tahun]--saya kerja taun [tahun] seribu sembilan ratus tujuh puluh tiga (1973).

**Farhah : Tak [Tidak] kerja apa. (menyampuk)**

**Azyani : Apakah pekerjaan Encik ketika itu?**

Encik Omara : Yang dapat kerja tu [itu]?

**Azyani : Haa [Ya] yang dapat kerja tu [itu].**

Encik Omara : Err (berfikir) Telekom. Jabatan Telekom Malaysia masa tu. Mula Telekom Malaysia Berhad. Dulu STM--TM la orang panggil--TM. La [Sekarang] ni [ini] JAT, Jabatan Telekom.

**Farhah : Haa (mengiyakan) TM.**

**Azyani : Di manakah lokasi tempat Encik bekerja?**

Encik Omara : Mula saya bekerja di Kuala Lumpur. Setaun [Setahun]..temu [cukup] setaun [setahun] saya bertucaq [bertukar] ke Pulau Pinang sampai saya berhenti la. Saya bukan pencen--saya berhenti. Sepatutnya saya kerja lagi baru pencen tapi la [sekarang]--memang taraf pencen la tapi saya berhenti awal sikit.

**Azyani : Encik bekerja-- err (berfikir) berapa tahun?**

Encik Omara : Saya kerja kalau dari taun [tahun] tujuh puluh tiga (73) saya berhenti sembilan puluh satu (91).

**Farhah : Ohh lama jugak [juga] la.**

Encik Omara : Boleh dapat agak dak [tidak]. Kalau sembilan puluh satu tolak tujuh puluh tiga.

**Azyani : Dua puluh..tujuh puluh tiga..sembilan puluh satu..**

**Farhah : Sembilan puluh satu. Kami--kami dah la lembab sikit. Hihhi (Ketawa kecil)**

Encik Omara : Lapan belaih [belas]..ya [betul] dak [tidak]? Tujuh belaih [belas] lapan belaih [belas]--

**Azyani : Lapan belaih [belas] taun [tahun]--**

**Farhah : Sembilan belaih [belas]--hmm (mengiyakan).**

Encik Omara : Hmm (menganggukkan kepala) sembilan belaih [belas] taun [tahun].

**Azyani : Lama jugak [juga] la.**

Encik Omara : Tapi [tetapi] sebenarnya [sebenarnya] walaupun saya kerja selama tu [itu]. Err (berfikir) saya tak [tidak] minat dengan pekerjaan saya.

**Farhah : Saja [yaa] la.**

Encik Omara : Haa [Ya] saya sangat-sangat tak [tidak] minat. Kalau ada mesyuarat saya tuang [ponteng] saya tak [tidak] pi [pergi]. Saya--hati saya takdak [tidak ada] langsung dalam kerja. Sebab duk [tengah] minat bidang lain.

**Azyani : Takdak [Tidak ada] minat dia.**

Encik Omara : Sebab--yaa? (bertanya)

**Farhah : Kira--Kiranya macam tengah kerja pun duk [tengah] buat jugak la seni budaya tu?**

Encik Omara : Yaa [Betul]--macam sambilan saya buat berita wartawan tv wartawan sambilan-- untuk hantaq akhbar-akhbar---ni la di majalah apa semua. Bahagian hiburan--saya lebih bahagian hiburan. Err (berfikir) jadi saya lebih--kerja ni [ini] untuk dapat gaji ja [sahaja]...dia memang tu [itu] yang saya berhenti awai [awal] tu [itu].

**Azyani**

**& Farhah : Hikhikhik (Ketawa)**

**Azyani : Apakah jawatan Encik yang disandang ketika itu?**

Encik Omara : Paling tinggi tu [itu] kerani kanan la.

**Azyani**

**& Farhah : Kerani kanan.**

**Azyani : Apakah tugas dan tanggungjawab Encik ketika itu?**

Encik Omara : Err (berfikir) tugas dan tanggungjawab saya--kerani kanan--saya mengendalikan bahagian akaun--last [akhir] sekali tu [itu] saya kendali bahagian akaun--sebelum tu--err (berfikir) akaun dulu sebelum tu [itu] last [akhir] sekali saya jadi ketua pejabat kerani telegraf--la [sekarang] telegraf takdak [tidak ada] dah--telegraf yang telegram kan? La [Sekarang] ni [ini] semua ada ni [ini] dah (tunjuk telefon)--hubungan takdak [tidak ada] dah--pejabat dah tutup dah. Dulu ni [ini] saya telegram la. Jadi saya jadi ketua pejabat telegraf di Seberang Perai Selatan, Jawi--di Bukit Mertajam--err (berfikir) haa [ya] dua tempat tu [itu] la saya jadi ketua la.

**Farhah : Ketua telegraf tu [itu]?**

Encik Omara : Haa [Ya]

**Azyani : Err (berfikir)--Apakah pengalaman yang Encik dapat dari pekerjaan itu?**

Encik Omara : Err (berfikir) pengalaman--sebab saya macam saya kata tadi saya tak [tidak] berapa ambik [ambil]..ambik [ambil] berat.

**Farhah : Hmm tak berapa--haa. (mengiyakan)**

Encik Omara : Jadi saya--saya tak [tidak] nampak apa-apa--haha (ketawa)

**Azyani : Haha (Ketawa kecil)**

**Farhah : Kerja sebab gaji ja [sahaja] la?**

Encik Omara : Haa [Ya] saya kerja sebab gaji. Jadi kalau sebelah pihak majikan dapat tau [tahu] macam ni [ini] depa [mereka] kekal la kan. Depa [Mereka] ada sorang [seorang] pekerja yang tak [tidak] ikhlas--kan--hehe (ketawa kecil)

**Azyani**

**& Farhah : Hihhi (Ketawa kecil)**

**Azyani : Hmm pernah--pernahkah Encik dinaikkan pangkat semasa bekerja di situ?**

Encik Omara : Paling tinggi tu [itu] kerani kanan--yang ketua--ketua pejabat telegraf.

**Azyani : Ketua--haa ketua (mengiyakan). Apakah cabaran yang paling sukar untuk Encik semasa memegang jawatan tersebut atau selama berkhidmat di situ?**

Encik Omara : Cabaran yang paling?

**Azyani : Cabalan--cabaran yang paling sukar?**

Encik Omara : Cabaran yang paling sukar--erm (berfikir) macam yang saya kata tadi jugak--bila saya tak [tidak] minat, macam mana saya nak buat benda tu [itu] kan?

**Azyani : Haa [Ya] tak [tidak] boleh. (mengiyakan)**

Encik Omara : Saya--bila diberi tugas-tugas yang baru--nak macam ni macam ni--jadi saya rasa macam saya rasa payah. Saya rasa macam--macam mana aku nak buat eh--hihi (ketawa kecil)

**Azyani : Haa (mengiyakan)**

**Farhah : Ya la (mengiyakan)**

Encik Omara : Kesilapan saya sendiri jugak la sebab saya tak [tidak] beri tumpuan yang betui-betui [betul-betul] kan--emm.

**Farhah : Ok.**

Encik Omara : Saya rasa tak [tidak] bangga sepanjang saya bekerja--haha (ketawa kecil)

**Farhah : Lepaih [Lepas] Encik berhenti tu [itu] takdak [tidak ada]--takdak [tidak ada] kerja apa la?**

Encik Omara : Hmm [Ya] takdak [tidak ada].

**Farhah : Takdak [Tidak ada]. (mengiyakan)**

Encik Omara : Yang cita-cita ja [sahaja] sebab yang dulu duk [tengah] harap jadi--lepaih [lepas] jadi baru ada dapat benda seni ni [ini] dapat sikit kan--tapi bila saya tinggai [tinggal] lapangan--saya tinggai [tinggal] kerja ni [ini], saya start [mula] berdikari sendiri--haa ada peringkat saya jatuh teruk. Err (berfikir) dari segi ekonomi apa jatuh teruk--haa (ya).

**Azyani : Selepas berhenti tu [itu]?**

Encik Omara : Haa [Ya] selepas berhenti tu [itu]. Walaupun saya nak berhenti tu [itu], kawan-kawan semua nasihat saya sampai depa [mereka]--ramai la nasihat. Depa [Mereka] kata tolong la pikiaq [fikir] dua tiga kali jangan berhenti tapi saya nak berhenti jugak.

**Farhah : Takdak [Tidak ada] hati dah noh [kan].**

Encik Omara : Haa [Ya] takdak [tidak ada]--hihi (ketawa)

**Farhah : Hehehe (Ketawa kecil). Ok ni start [mula] dengan sejarah pelantikan tokoh.**

Encik Omara : Yaa..

**Farhah : Bilakah encik-- encik dipilih sebagai Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang?**

Encik Omara : Aaa-- bulan November tahun 2016. Tarikh saya tak--tak [tidak] perasan. Mungkin dalam 26 ka apa ka. Tapi boleh cari kalau nak cari.

**Farhah : Sapa [siapa] yang menganugerahkan tokoh tersebut kepada encik?**

Encik Omara : Aaa..apa ni Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara. JKKN.

**Farhah : Dalam anjuran atau festival apakah penganugerahan tokoh dianugerahkan kepada encik?**

Encik Omara : Yang tu [itu] dia tak dak [tidak ada] festival apa. Dia terus majlis khas untuk penganugerahan tokoh seni budaya dan warisan.. eh seni budaya haa [yaa] seni budaya.

**Farhah : Dimanakah majlis pelantikan tokoh tersebut diadakan?**

Encik Omara : Di hotel-- Hotel Royal Bintang. Masa tu [waktu itu] dikenali Royal Bintang tapi harini dikenali sebagai hotel-- Hotel Royal Chulan. Royal Chulan. Hotel Royal Chulan.

**Farhah : Dekat mana?**

Encik Omara : Di dekat dengan feri tu. Keluaq- keluaq [keluar] feri tu blah [sebelah] kanan tu sebelum nak p [nak pergi] Padang Kota. Haaa [yaa] hotel tu [itu] la. Dekat [bersebelahan] Muzium 3D. Dia ada Muzium 3D. Kembraq [bekembar].. kembraq [berkembar] Muzium 3D.

**Farhah : Ohhh.. dekat bangunan besaq-besaq [besar-besar] tu kan.**

Encik Omara : Haa. Malam kelmarin dulu pun saya ada buat show [persembahan]. Saya bawa [bawa] Saiful Apek buat show [persembahan] dekat situ la. Tu yang saya tau [tahu] tukaq [tukar] nama Hotel Royal Chulan. Masa saya dulu Hotel Royal Bintang.

**Farhah : Aaa.. apakah perasaan encik semasa dianugerahkan tokoh tersebut?**

Encik Omara : Haa. Saya cerita sikit [sedikit] la. Sebab saya ni suka rahsia. Depa [Mereka] tak [tidak] bagitau [beritahu]. Haa sapadia [siapa] haritu [semasa hari kejadian] majlis berlangsung depa [mereka] tak [tidak] bagitau [beritahu] apadia [apa] majlis sapadia [siapa] yang nak dapat tokoh. Jadi saya sendiri pun tak tau [tidak tahu]. Saya berpakaian besa [biasa] ja. Saya tak dak [tidak] pakai menarik ka apa ka tak dak [tiada]. Saya hanya berpakaian biasa saya p [pergi] dengan tak [tidak] terpikiaq [terfikir] pun mungkin saya macam kalau oqang [orang] lantik saya dapat,

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

dapat laa. Kalau dak [tidak], dak [tidak]. Bila masuk dalam majlis tu [itu] pun saya tengok tulis majlis penganugerahan tokoh penulis apa. Saya tak [tidak] terpikiah [terfikir] sebenarnya [sebenarnya] tu saya la. Yang tu tu majlis saya.saya tak [tidak] perasan. Saya duduk tempat besa [biasa] tapi oqang [orang] jabatan jabatan kesenian, kebudayaan dan warisan ni JK-- JKKN ni depa [mereka] dah tau tapi soqang [seorang] pun tak [tidak] pecah rahsia. Jadi tapi depa [mereka] bagi dok [duduk] tempat tu saya nampak macam special [istimewa] sikit [sedikit] tak [tidak] bagi saya dok [duduk] dengan oqang-oqang [orang-orang] saya dak [tidak]. Saya pun taktau [tidak tahu] lagi takpala [tidak mengapa] kan. Paihtu [selepas itu] depa [mereka] bagi ulasan dulu. Masuk sebelum pengumuman, panel yang ni bagi ulasan. Dia kata oqang [orang] yang kami pilih ni adalah oqang [orang] yang tepat sebab dia bukan saja aktif dalam seni budaya sejak dulu [dahulu] haa [yaa] sampai sekarang dia masih lagi aktif dalam bidang seni budaya. Jadi saya dengaq [dengar] tu teqasa [terasa] macam saya pastu [selepas itu] saya kata macam aku tapi macam saja la kan. Bukan-- bukan..

**Farhah : (menyampuk) ada lagi la boria-boria lain tu kan?**

Encik Omara : Haa [yaa] ada lagi. Lepaihtu [selepas itu] depa [mereka] panggil 14 oqang [orang] untuk terima sijil oqang [orang] yang tercalonkan. Untuk ni. Jadi ada 14 oqang [orang] la termasuk saya. Kami semua terima sijil berdiri di ataih [atas] pentas. Saya pun termasuk berdiqi [berdiri] jugak [juga]. Haa pastu yaa selepas itu] bila [apabila] pengumuman dibuat. Depa [mereka] sebut anugerah Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang, aaa.. apa-- dianugerahkan kepada. Saya biasa [kebiasanya] oqang [orang] dok [selalu] panggil Omara, Omara, Omara kan. Nama gelaran saya. Omar bin Md Hashim. (ketawa) Bila kata Omar Bin Md Hashim, betoi-betoi [betul-betul] saya kata bukan saya berlakon saya tak [tidak] terasa saya. Saya dok [hanya] diam la. (ketawa) Dok diam sambil dok [tengah] pegang soqang [seorang] satu sijil tadi kan. Pastu [selepas itu] depa [mereka] sebut kali kedua Omar Bin Md Hashim. Saya diam lagi. Pastu [selepas itu] pengarah JKKN dok atas pentas yang bagi tadi ni dia beqalih [menoleh]. Omara

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Omara (gelak). Saya ka? Kalau oqang [orang] tengok pun saya tunjuk, saya ka dia atas pentas? Mai. Saya bila [apabila] saya p [pergi] tu kan. Ni cerita benaq [benar] la pengalaman ni kan. Nanti tv [televisyen] nak [hendak] buat shooting [penggambaran] pasai [tentang] kisah saya akan cerita macam tu [itu] jugak [juga]. Saya qasa [rasa] macam saya mimpi saya qasa [rasa] macam saya dok [tengah] di tempat awang-awangan. Saya tak tau [tidak tahu] saya tak qasa [tidak rasa] macam real [sebenar] tau realiti. Saya p [pergi] depa [mereka] salam saya salam. Satgi [sebentar] dia bagi sijil saya pegang. Oqang [orang] ambik gambaq [gambar] qamai [ramai]. Saya pun tak [tidak] bopa [berapa] pernah qasa [rasa] kan.

**Farhah : Hahahhaha (ketawa). Terkejut.**

Encik Omara : Terkejut. Saya letak. Lepas tu [selepas itu] saya kata aku berlakon ka apa kan. Lepas tu [selepas itu] depa [mereka] bagi apa oqang [orang] panggil yang macam check besaq [besar] tu. kan

**Azyani : Oohh yang besar tu. Dalam frame [bingkai] tu.**

Encik Omara : Ha [yaa] ni, dia saya qeling [menjeling] bawah tu sikit [sedikit]. Tengok-tengok lima [5] qupanya lima ribu [5000]. Saya tengok saya nampak lima ratus [500]. Eh lima ratus [500]. Padahal lima ribu [5000]. Duit lima ribu. Lepas tu [selepas itu] depa [mereka] bagi [beri] yang trofi tu. Trofi besaq [besar]. Depa [mereka] buat trofi tu denga [dengar] kata bernilai seribu lebih. Trofi tu. Memang besaq [besar] lebih hebat daqipada [daripada] tv [televisyen] yang kita dok [sedang] tengok ceqita [cerita] apa apa-apa kan, ni lebih besaq [besar]. Saya pun pegang turun ambik, lepas tu [selepas itu] kan, aaa--saya masih lagi qasa [rasa] teruih [terus] menerus macam mimpi lagi. Sampai depa [mereka] buat Sokso maksud dia bual bicara, Timbalan Pengarah depa [mereka] sedia siap dah kerusi ataih [atas] pentas tu. Teruih [terus] saya duduk sebelah, sebelah Timbalan Pengarah. Dia bagi mic [microfone] teruih [terus] depa [mereka] buat bual bicara dengan saya. Aaa-- apa-apa dia bagi soalan saya jawab soalan, macam ni laa. Saya jawab. Masa tu pun saya masih qasa [rasa] tu bukan saya lagi. Pastu [selepas itu] saya

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

terpandang depa [mereka] tayang slide. Depa [mereka] sendiqi [sendiri] ambik [ambil] daqi [dari] kempen ka blog ka kan. Saya perati [perhati] tengok gambaq [gambar] saya kecik-kecik [kecil] ada besaq-besaq [besar] ada kan. Yang tu saya mula dok [sedang] pikiaq [fikir] aihh. Ni aku ni. (gelak) pasai [pasal]] saya nampak muka saya kan.

**Azyani : (menyampuk) hahahahaha (ketawa). Haa [yaa]. Baqu [baru] percaya sikit.**

Encik Omara : Haa [yaa].. baqu [baru] percaya sikit. Jadi ni ceqita [cerita] benaq [benar] apa yang berlaku kan. Aa-- saya rasa bagi bukti sebab saya tak [tidak] pernah terpikiaq [terfikir] akan dapat anugerah macam tu. Lepas tu [selepas itu] mula la tv [televisyen] buat temu ramah la apa la. Masa tu saya sedaq [sedar] laa. Saya sedaq [sedar] (gelak). Jadi begitu la ceqita [cerita] dia. Perasaan saya masa tu memang seqonok [seronok] bersyukur dan saya qasa [rasa] macam aa--saya dihargai laa. Perjuangan saya yang sebelum ni. Cuma saya rasa saya lebih dihargai. Aa--Alhamdulillah la. Saya ceqita [cerita] ni pun saya keluaq [keluar] ayaq [air] mata.

**Farhah : Pada usia berapakah encik mendapat pengiktirafan tersebut?**

Encik Omara : La [sekarang] 60--. La [sekarang] umoq [umur] saya bopa [berapa] ha? 63. Tolak setahun 62 la.

**Farhah : 62 la. Tahun lepas kan?**

Encik Omara : Ha [yaa] tahun lepas la.

**Farhah : Siapakah tetamu kehormat yang hadir pada majlis itu?**

Encik Omara : Aaa-- dia YB Pinang Tunggal, Adun Pinang Tunggal. Roslan Saidin, lepas tu [selepas itu] Ketua-ketua, Pengarah-pengarah. Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengarah Pelajaran, Jabatan- jabatan, Ketua Polis. Haa [yaa] jadi semua pengarah-pengarah tu [itu] la. Lepas-lepas [selepas] dah saya habis tu baqu [baru] depa [mereka] bagi [suruh] duduk sekali dengan meja ni [ini] la. Meja VIP ni.

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

**Farhah : Hmmm (mengiyakan). Apakah sumbangan yang telah encik lakukan sehingga encik dianugerahkan tokoh tersebut?**

Encik Omara : Aaa. Sumbangan saya banyak. Jadi lepas [selepas] saya dapat tu [itu] baqu [baru] saya pikiaq [fikir] balik banyak mungkin oqang [orang] nilai saya daqi [dari] segi-- satu saya menaikkan boria balik. Mungkin tak [tidak] semua oqang [orang] setuju. Oqang-oqang [orang-orang] yang terlibat dalam boria mungkin dia kata mungkin depa [mereka] ka tak kan [tidak mungkin] saya ka kan tapi [tetapi] bagi saya sendiqi [sendiri] saya rasa saya sebab ada masa boria ada menurun. Dia kumpulan boria yang aktif pun tak [tidak] banyak. Haa [yaa] lepas tu [selepas itu] saya mulakan dengan blog yang saya boleh aktif balik ni. Dalam tahun bopa [berapa] dalam lebih 12 tahun saya ada blog ni [ini]. Saya mula saya buat sendiri la. Saya rasa-rasa saya boleh buat Blog. Jadi daqi [dari] situ saya buat Blog Warisan Boria. Daqi [dari] Blog Warisan Boria tu [itu] saya dapat qamai [ramai] oqang [orang] yang ikut. Oqang [orang] boleh tau [tahu] yang cari boria boleh mai [datang] ke Blog saya. Daqi [dari] situ oqang [orang] dah mula mengenali boria. Dalam oqang [orang] Pulau Pinang lagi lebih la. Macam oqang [orang] luaq [luar] pun pakat [semua] share [kongsi] pakat berhubung apa semua dan saya promosi boria. Saya buat begini saya terlibat dengan tv [televisyen] banyak. Tv [televisyen], radio. Aa-- apa qeja [kerja] saya yang saya buat saya promosikan boria. Walaupun benda tu [itu] kadang-kadang aaa-- mengeluarkan duit saya sendiqi [sendiri]. Saya terpaksa jugak [juga] sebab saya nak [mahu] boria ni [ini] jadi popular balik. Haa [yaa] jadi itu antara benda yang saya buat nak [hendak] bagi boria ni popular. Bagi oqang [orang] tau [tahu] kata ada boria. Ada di radio, ada di tv [televisyen], ada di Blog oqang [orang] boleh caqi [cari]. Masa tu [waktu itu] Facebook belum lagi. Lepastu [selepas itu] mai [datang] zaman Facebook lagi lebih la. Semua saya masuk, masuk, masuk dalam Facebook bagi nampak ni kan. Jadi Alhamdulillah laa. Itu yang apa yang sumbangan saya tadi apa yang soalan kata?

**Farhah : Apakah sumbangan encik haa..**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Haa [yaa]. Jadi tu [itu] la. Satu daqi [dari] seni budaya. Kalau lagi satu Seni Warisan Ghazal Parti. Besa [biasa] dengaq [dengar] dak Ghazal Parti. Ghazal Parti dia belain [berlainan] daqi [dari] Ghazal Johor. Ghazal Johor dia berasal dari India. Dia di Johor depa [mereka] main depa [mereka] duduk. Dia ada Tabla, ada Monyong tu nyanyi lagu-lagu Ghazal yang Maha Ghazal. Tapi Ghazal Parti dia di Utara. Berasal daqi [dari] Parsi. Ghazal Parti ni dia-- depa [mereka] tak [tidak] duduk dibawah depa [mereka] duduk atas kerusi ataupun bediqi [berdiri]. Alat muzik dia ada gabus tapi [tetapi] takdak [tidak ada] harmonium tu tak dak [tidak ada] tabla takdak [tidak ada]. Dia berbeza sikit. Dan lagu-lagu dia lebih pada lagu Arab. Tu [selain itu] ada jugak [juga] lagu Hindustan dan lagu Melayu. Ha [yaa] jadi Warisan Ghazal Parti pun hampir pupus jugak dia--dia mula tenggelam dan oqang [orang] tak [tidak] minat Ghazal Parti dan saya jugak [juga] disamping boria saya jugak [juga] jumpa dua kumpulan Ghazal Parti yang terdekat dengan saya. Satu di Kepala Batas satu di Parit Buntar dan dua-dua kumpulan ni saya bantu dan promote [promosi] depa [mereka]. Saya cuba caqi [cari] SO bagi dapat SO. saya blog pulak. Blog Warisan Ghazal Parti.

**00:35:08 - 00:38:15 (Encik Omara menjawab panggilan telefon)**

Encik Omara : Ok. Benda yang saya tunggu dah selesai dah.

**Farhah : Lepas tu [selepas itu] haa sambung balik [semula] noh [ya].**

Encik Omara : Haaa yaa..

**Farhah : Semasa pelantikan tokoh tersebut, kumpulan boria apa lagi yang terlibat?**

Encik Omara : Hmm.. dia ada ketua-ketua di peringkat kumpulan boria dan lain-lain. Bukan semua boria la.

**Farhah : (menyampuk) ohhh, bukan boria saja la.**

Encik Omara : Yaa boria ada Ghazal Parti, ada boria, ada ni-- teater, ada penulisan skrip, sastera. Dia campoq [campur] semua. Haa [yaa] boria pun ada jugak [juga] la.

**Azyani** : Ohh. Semua seni budaya kat Pulau Pinang ja laa.

Encik Omara : Haa yaa.

**Farhah** : Kiqanya [kiranya] semua anugerah tersebut apa bukan seni boria saja la?

Encik Omara : Dak, dak, dak [tidak]. Bukan. Pastu [selepasitu] dia terdiri tokoh seni budaya.

**Farhah** : Pada tahun 2014, siapakah yang menganugerahkan tokoh seni budaya Politeknik Seberang Perai?

Encik Omara : Yaa. Dia ada Politeknik dulu ka?

**Farhah** : Haa yaa.

Encik Omara : Emm. Yang bagi [beri] anugerah tu [itu] saya taktau [tidak tahu] dari bahagian mana. Tapi [tetapi] saya tau [tahu] dari Seberang Perai. Yang menyampaikan tu [itu] Tan Sri --Tan Sri Dato' Seri Yusof Latif. Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang. Haa [yaa] dia yang menyampaikan tapi [tetapi] yang menganjurkan bahagian anugerah tu [itu] Politeknik Seberang Perai la. Tapi [tetapi] saya taktau [tidak tahu] apa punya bahagian dia.

**Farhah** : Emm. Dalam anjuran atau festival apakah penganugerahan tokoh tersebut diadakan?

Encik Omara : Saya tak [tidak] ingat dia dalam satu majlis politeknik juga, memang ada qamai [ramai] apa semua. Seni budaya jugak.

**Farhah** : Ooh. Pasai [tentang] seni budaya jugak [juga]?

Encik Omara : Haa [yaa]. Pasai [tentang] seni budaya jugak [juga].

**Farhah** : Aaa. Apakah kesan positif yang perlu encik lakukan selepas menerima anugerah tersebut?

Encik Omara : Emm. Kesan positif?

**Farhah** : Emm. (mengiyakan)

Encik Omara : Aaa. Apadia [apa?] macam mana [bagaimana]? Maksud dia macam mana?

**Farhah : Kesan positif dia macam--**

Encik Omara : Selepas saya dapat tu...

**Farhah : Haa [yaa] selepas dapat tokoh tu apa yang encik perlu buat?**

Encik Omara : Ohh. Baik-baik. Setelah saya dapat. Tapi [tetapi] bukan yang pertama tau, yang pertama saya yang karyawan tu, yang ni yang kedua selepas sebulan. Tapi [tetapi] tak pa la [tidak mengapa] boleh jugak [juga] kan?

**Farhah : Haa [yaa] . Boleh.**

Encik Omara : Ok. Jadi selepas saya dapat tu saya rasa macam ada semangat la. Semangat saya untuk lebih aktif lagi di dalam bidang ni walaupun tokoh saya rasa tokoh tu tak [tidak] begitu besaq [besar] tapi [tetapi] bila [apabila] kali pertama ni qasa [rasa] seqonok [seronok] la-- sebelum saya ni pun bila [apabila] qamai [ramai] oqang [orang] tanya saya ada dak [atau tidak] dapat apa gelar tokoh. Saya jawab tak dak [tidak ada], tak dak [tidak ada], tak dak [tidak ada] kan. Jadi selepas tu saya boleh la kata ada. Walaupun kecil. Jadi saya-- apa oqang [orang] kata. Dia menitikkan semangat saya untuk lagi lebih aktif la.

**Farhah : Apakah peranan dan tanggungjawab encik selepas menerima anugerah tersebut?**

Encik Omara : Aaa-- Selepas saya terima anugerah tersebut, saya masih sama jugak [juga] sebab apa yang saya buat tu [itu], saya ada-- aktiviti-aktiviti seni yang saya jadi ketua ni. Ketua kumpulan pun saya jalan masih sama jugak [juga] la. Cuma saya lebih aktif ja [sahaja].

**Farhah : Ohhh. Lebih aktif.**

Encik Omara : Yaa. Lebih aktif.

**Farhah : Emm.. Apakah cabaran yang perlu encik hadapkan selepas menerima tokoh tersebut?**

Encik Omara : Emm. Cabaran?

**Farhah : Cabaran daqi [dari] luaq [luar]la..**

Encik Omara : Aaa-- cabaran daqi [dari] luaq [luar]. Jadi besa [biasa] la-- sebenarnya [sebenarnya] saya bukan kerana masa dapat tokoh tu. Sebelum tu [itu] pun. Sampai haqini [harini] pun, masih ada cabaran-cabaran yang di keliling [sekeliling] saya ni yang-- yang-- aa-- bagi-bagi yang membuat benda tu saya kena [harus] tempuh jugak [juga]. Saya jalan. Sebab cabaran ni, dia dua ja. Dia kalau silap-silap mungkin saya beqenti [berhenti], mungkin saya tak mau [tidak mahu] dah. Jadi cabaran merupakan halangan-halangan la kepada oqang-oqang [orang-orang] di bidang yang sama. Sebab bila saya dah dapat, jadi-- adalah suara-suara apa.

**Farhah : (menyampuk) Yang tak [tidak] puas hati**

Encik Omara : Yang tak [tidak] puas hati kan. Aaa-- jadi benda-benda tu [itu] yang membuat kan bagi saya, saya nak [hendak] tunjuk nak [hendak] bukti kan sebenarnya [sebenarnya] saya layak dapat kan.

**Farhah : Hmm (mengiyakan) betoi [betul].**

Encik Omara : Saya layak dapat. Tidak oqang [orang] akan mempertikaikan macam tu. Pasaipa [sebab apa] dia dapat tapi [tetapi] besa [biasa] la kalau bidang apa pun, pertandingan peringkat mana pun mesti ada oqang [orang] yang tak [tidak] dapat ni akan kata pasaipa [sebab apa] dia ni dapat kan. Besa [biasa] la.

**Farhah : Tak [tidak] puas hati.**

Encik Omara : Haa [yaa], dan saya menghadapi macam tu sampai sekarang la sampai tokoh yang terbaqu [terbaru] kan. Aaa--

**Farhah : Aaa-- Apakah kriteria-kriteria yang perlu ada untuk menerima anugerah tokoh ini?**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Aa.. Yang pertama ni. Saya rasa mungkin penglibatan saya lebih-- sebab dia-- dia anugerah tokoh seni budaya dia boria. Mungkin saya lebih kepada boria. Aaa-- jadi apa yang saya buat perjuangan saya untuk menaikkan boria macam yang saya kata tadi tu [itu], mungkin benda-benda ni pihak aa-- pihak panel yang pilih saya tu bagi kan. Sat [sebentar] naa.

**00:43:46- 00:44:27 (Encik Omara menjawab panggilan telefon)**

**Farhah : Apakah syarat-syarat yang perlu ada untuk menerima anugerah tokoh ini?**

Encik Omara : Syarat-syarat saya qasa [rasa] kerana penglibatan dalam bidang seni-- saya yang aktif la kot [mungkin]. Mungkin la jadi pihak depa [mereka] yang pilih bagi [beri] ni kerana saya dah aa-- memenuhi syarat-syarat tu maknanya saya dah buat macam saya kata tadi, menaikkan balik seni terutamanya boria aa-- dan saya di aa-- oqang [orang] kata apa. Di tengok oleh oqang [orang] qamai [ramai] di luaq [luar] lagi jauh pada dekat saya jauh daqipada [daripada] saya lagi qamai [ramai] yang menyokong dan nampak benda ni. Cuma macam saya kata tadi la, yang dekat ni oqang [orang] tak [tidak] nampak la kan, yang jauh oqang [orang] nampak.

**Farhah : Haa [yaa]-- tu [itu] la.**

Encik Omara : Jadi daqi [dari] segi tu kot [mungkin] yang pihak panel pilih saya. Emm--

**Farhah :Aaa-- Bagaimanakah encik membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?**

Encik Omara : Aaa-- Saya sebenarnya [sebenarnya] kalau ikut la, sebab sekarang anak-anak ni dah lepas dah, tinggai [tinggal] soqang [sorang] lagi dok [berada] di rumah. Kami tiga beqanak [beranak] ja [sahaja]. Jadi saya tak bopa [tidak berapa] perlu nak [mahu] luangkan banyak kat keluarga. Aaa-- jadi saya banyak diluaq [diluvar]. Kalau ikut apa yang saya buat aktiviti saya ni, saya qasa [rasa] saya lebih banyak diluaq [diluvar] dan saya kurang dirumah. Dan kalau saya ada dirumah pun, saya masuk dalam bilik komputer tu, dalam bilik tu bilik berkarya.

**Farhah : Bilik khas la?**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Haa [yaa] bilik khas tu [itu] saya kunci pintu sebab sat gi [sebentar lagi] kot [mungkin] ada cucu ka [atau] mai [datang] apa sat gi [sebentar lagi] depa [mereka] dok [mungkin] ketuk pintu nak [hendak] masuk kan. Jadi saya duduk sorang-sorang [seorang diri] saya buat. Bila saya letih mengantuk, saya keluaq [keluar], saya tidoq [tidur] sat [sebentar]. Saya buat balik saya keluaq [keluar] diluaq [diluara]. Jadi saya banyak jadi dengan keluarga ni sikit. Sikit [sedikit] dan tak [tidak] jadi [mendatangkan] masalah la kat keluarga saya pun. Sebab saya kalau haqi [hari] yang lapang saya akan macam p [pergi] market [pasar]. Haa macam qini [hari ini] dak [tidak] la. Haa [yaa] kalau haqi [hari] yang lain saya beli siap-siap ka apa. Haa [yaa] tapi [tetapi] kalau ada hal-hal apa anak-anak saya akan bantu isteri saya la. Nak [hendak] p [pergi] mana ka apa ka depa [mereka]-- depa [mereka] akan bantu. Jadi saya cuma kadang-kadang ja [sahaja] balik kalau tak dak [tidak ada] apa-apa aktiviti, haa [yaa] saya akan bawak isteri saya keluaq [keluar], saya kesian kat [kepada] dia sebab dia banyak duduk [tinggal] dirumah dah dia suri rumah sepenuh dah kan. Saya bawak dia keluaq [keluar] p [pergi] sampai dia pun jadi tak [tidak] suka keluaq [keluar] dah. Dia sebab terlalu besa [biasa] dok [berada] dirumah kan. Kadang keluaq [keluar] pun dia jadi nak balik ja. Dia lebih suka nak [hendak] balik [pulang]. Tapi [tetapi] saya qasa [berasa] kesian [kasihan] sebab aa-- tak [tidak] patut sebab saya banyak dengan remaja-remaja ni kan. Saya kira [kira] hidup saya banyak dengan depa [mereka]. Saya masa saya lebih lagi. Sat gi [sebentar] saya melawak lagutu [seperti itu]. Macam berkawan la. Jadi isteri sendiri saya tinggai [tinggal] tengok [menonton] tv [televisyen]. Sebab waktu saya buat show [persembahan] apa-apa saya tak [tidak] bawak [membawa]. Kalau [apabila] depa [mereka] nak [hendak] mai [datang], anak-anak saya dan isteri saya akan mai [datang] sendiri. Hmm-- besa [biasa] saya terkejut saya masa Festival Boria tahun 2016, di Padang Kota Pulau Pinang, sebelum masuk tu kami buat perarakan, perarakan boria. Saya jadi apa, kami ambik [pilih] tema Ali Baba Bujang Lapuk, saya jadi tu la ketua penyamun tu pakai mata tutup sebelah tu, saya berjalan dikeliling belakang oqang [orang] boria la. Jalan-jalan masuk dalam kota tu kan, terkejut tengok bini saya, anak saya, cucu saya mai [datang] semua.

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

(ketawa). Depa [mereka] dok [tengah] ada depan. Saya tak [tidak] sangka sebab depa [mereka] tak habaq [tidak beritahu] kata depa [mereka] nak [akan] mai [datang]. Begitu jugak [juga] kalau saya buat show [persembahan] apa di peringkat besaq [besar] sikit kan, tiba-tiba depa [mereka] ada. Kadang depa [mereka] cuma talipon [telefon] saja [sahaja]. Anak saya habaq [beritahu], "Abah, kami dok [tengah] tengok [melihat] ni, kami ada". Haa-haa okay, okay. Jadi depa [mereka] tak kan [tidak akan] mai [datang] apa cuma kadang-kadang mungkin depa [mereka] seqonok [seronok] kan depa [mereka] mai [datang] depa [mereka] selfie [bergambar] dengan saya la. (ketawa). Depa [mereka] bangga kot [mungkin] kan. Haa jadi macam tu ja. Macam saya kata tadi dari segi keluarga, tak dak [tidak ada] masalah isteri saya pun dia tak dak [tidak] macam saya tak [tidak] buat aktiviti apa saya lebih dirumah ka kan, depa [mereka] tak dak [tidak ada] masalah apa la. Kalau saya p [pergi] KL [Kuala Lumpur] ni haa ni esok lusa 17 ni saya p [pergi] KL [Kuala Lumpur] dua haqi [hari], saya nak p [pergi] ni saya akan beli siap-siap apa-apa la.

**Farhah : Selalu isteri encik tak [tidak] ikut la?**

Encik Omara : Ha [yaa] dak [tidak]-- dak tak [tidak] ikut dan dia jugak tak [tidak] akan telefon. Kadang-kadang nak dekat seminggu saya tunggu dia tak [tidak] telefon. Orang lain boleh telefon kan. Saya kata ish, dengan bini [isteri] pun tak [tidak] telefon lagi ni.

**Farhah : Dia pun tak [tidak] telefon encik?**

Encik Omara : Dia tak [tidak] telefon, kalau saya balik lewat malam ka pukul 2 pagi ka pun dia tak [tidak] tanya [menanya] ada dimana ka buat apa ka. Jadi benda-benda tu yang buat bagi saya qasa [rasa] tak dak [tidak ada] halangan, saya bergerak bebas. Ada setengah orang [orang] kan takut macam sat gi [sebentar] alamak, bini [isteri] tanya ni awat [kenapa] tak [tidak] balik [pulang] lagi. Sampai macam tu. Saya tak dak [tidak ada] apa walaupun sebab saya terlibat dengan pompoan [perempuan].

Sat gi [sekejap lagi] saya hantar depa [mereka] balik apa semua, jadi saya pun tak [tidak] takut.

**Farhah : Pada masa yang akan datang, apakah misi dan rancangan encik ingin lakukan?**

Encik Omara : Aaa--. Akan datang? Sebenarnya banyak, selepas saya dapat tokoh. Aa--semangat saya makin kuat lagi, dan macam sekarang pun ada ura-ura kata saya nak [hendak] dapat lagi gelaran tokoh. Saya punya cadangan memang banyak dan saya telah menyediakan tiga untuk rancangan tv, satu 13 siri dalam rancangan ada terlibat dengan boria.

**Azyani : Okay. Erm bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam bidang seni budaya boria ini?**

Encik Omara : Err (berfikir) boria macam saya kata-- dalam--saya bermula dalam darjah lima sekolah. Masa tu hujung taun [tahun] sekolah nak buat pementasan. Err--hari apa panggil--hari kelawatan ibu bapa--ibubapa kan.

**Azyani : PIBG.**

Encik Omara : Haa [Ya]. Dulu takdak [tidak ada] PIBG kan?

**Azyani : Takdak. [Tidak ada]**

Encik Omara : Dia panggil hari apa tah [entah]. Pastu [Lepas itu] cikgu dia, masa darjah lima tu cikgu kata--okay kita nak buat apa. Kita boleh buat apa-apa acara. Pahtu [Lepas itu]--saya Omar la masa tu [itu], bukan Omara. Erm Omar boleh buat apa. Saya terdiam kejap. Saya kata, "Saya boleh buat boria ja" [sahaja]. Kerana saya--saya pandang tengok--zaman kanak-kanak, rumah saya duduk dekat di Butterworth dengan Padang Bandaran tak jauh. Bila ada acara hiburan semua saya pi [pergi] tengok. Bila saya pi [pergi] tengok selalu boria. Saya tengok boria--boria macam ni macam ni. Saya kata saya boleh buat boria. Saya panggil--ajak kawan-kawan saya, rangkap karangan tu saya tulis sendiri sebab saya mahir di bidang tulis ni--saya tulis-- pahtu [lepas itu] saya sendiri berlakon sketsa boria dua tiga kali.

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Lepaihtu [Lepas itu] saya ambik [ambil] peluang jadi tukang karang, ada yang jadi sailor menari belakang. Saya pun menari jugak kat belakang. Buat persembahan tapi persembahan tu erm--dah jadi mol tu tapi semua orang puji. Depa [Mereka] kata kat saya baguih [bagus] la dia kata Omar pandai la buat. Jadi budak-budak bila dipuji dia seronok kan seronok. Baguih [Bagus] tak [tidak] baguih [bagus] saya pun tak [tidak] tau [tahu]. Takdak [Tidak ada] bukti video apa nak tengok takdak [tidak ada]. Gambaq [Gambar] pun takdak [tidak ada]. Jadi bila kata baguih [bagus] saya seronok saya teruih [terus] lagi. Haa erm (berfikir) masuk tingkatan satu saya masuk boria sekolah sehingga menang peringkat kategori dia ada menang. Err (berfikir) masa tu saya teruih [terus] lagi kerja masuk persatuan yang terlibat dengan boria jadi boria saya bermula daripada darjah--darjah lima sekolah rendah. Saya--bermakna saya tak [tidak] leh [boleh] tinggai [tinggal] dah. Saya ada macam saya kata tadi cara dia dan sesuatu benda tu [itu] saya tak [tidak] leh [boleh] tinggai [tinggal] saya akan teruih [terus]-- haa [ya] tu [itu] la yang saya--saya teruih [terus] teruih [terus] teruih [terus] sampai remaja sampai--sampai laa [sekarang].

**Azyani : Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk menyertai boria?**

Encik Omara : Erm (berfikir) syarat-syaratnya serta boria seni budaya--yang pentingnya kita kena ada minat--minat tu [itu] penting. Pastu [Lepas itu] kita kena ada bakat--erm minat dan bakat. Kalau takdak [tidak ada] bakat pun--kalau kita tak [tidak]-- tak [tidak] reti berlakon tak [tidak] reti menari orang latih juga nanti tak [tidak] jadi--jadi itu yang saya kata tadi ada minat, err ada bakat pastu [lepas itu] kita tegak dengan kesungguhan kita untuk meneruih [menerus] dalam bidang tu [itu]. InsyAllah boleh pergi--err boleh buat--boleh jadi la err ahli boria.

**Azyani : Berapakah bilangan anggota kumpulan boria?**

Encik Omara : Ermm kalau ikut normal la [sekarang] ni [ini]--anggota kumpulan ialah lima belas ke dua puluh orang.

**Farhah : Ooo ramai.**

**Azyani : Satu kumpulan?**

Encik Omara : Haa [Ya] satu kumpulan. Tapi kalau zaman dulu boria ada sampai lapan puluh orang.

**Azyani**

**& Farhah : Ooo..(menganggukkan kepala)**

Encik Omara : Haa [Ya] dulu ramai. Haa la [sekarang] ni [ini] macam tu [itu] ja [sahaja]. Kita boria--

**Farhah : Lima belas ke dua puluh je [sahaja].**

Encik Omara : Haa [Betul] ya.

**Azyani : Apakah watak-watak yang terdapat dalam kumpulan boria?**

Encik Omara : Dalam boria dia ada sketsa. Watak ni [ini] ada dalam sketsa la. Dalam sketsa ni [ini] dia ada watak pembangkang. Erm (berfikir) bercakap bila--dia loyar buruk la--loyar buruk, dia pembangkang..dia buat salah la tapi dia ada jugak penasihat. Penasihat ni [ini] dia akan membetulkan keadaan balik. Kalau kawan dia silap tadi..habis dia akan masuk penasihat, dia akan membetuikan [membetulkan] kesilapan tu [itu] sehingga orang yang tu [itu] mengaku menjadi silap. Haa [Ya] tu [itu] cara dia sketsa boria. Bila dia ada masalah dia kena ada penyelesaian dia. Kena ada orang yang bagi nasihat.

**Azyani : Apakah tema yang sering dipersembahkan?**

Encik Omara : Err (berfikir) tema--macam..macam bebas. Dalam boria kita boleh hal kesihatan, boleh hal-hal negara dan juga benda-benda hiburan biasa..yang takdak [tidak ada] mesej pun. Tema dia bergantung kepada apa yang kita nak buat--apa yang pihak penganjur nak kita boleh ikut.

**Azyani : Apakah warna kumpulan boria Encik?**

Encik Omara : Apa? (bertanya)

**Azyani : Warna kumpulan.**

Encik Omara : Warna? Warna kami sebenarnya [sebenarnya] tidak ada sebab boria ni [ini] berwarna-warni.

**Farhah : Ooo dia warna-warni. (menganggukkan kepala)**

Encik Omara : Warna-warni. Boria ni [ini]..dia..dia pincang la..dia takdak [tidak ada] warna putih.

**Azyani :Dia err (berfikir) macam err setiap persembahan tu tak [tidak]..tak [tidak]..tak [tidak] tetap la warna?**

Encik Omara : Dak [Tidak].

**Azyani : Haa. (mengiyakan)**

Encik Omara : Kami takdak [tidak ada] warna tema apa takdak [tidak ada]. Bila-bila boleh tukaq [tukar].

**Azyani : Hihi (Ketawa kecil). Err (berfikir) siapakah idola dalam bidang seni budaya yang Encik contohi? Err boria.**

Encik Omara : Dalam boria? (bertanya)

**Azyani : Bidang--haa [ya] dalam--**

Encik Omara :Dalam boria--tokoh boria dulu dah meninggal [meninggal]..ada dua oghang [orang], sorang [seorang] nama Haji Abu Bakar ataupun dikenali sebagai Pak Kar..sorang [seorang] lagi Abdullah Darus ataupun dikenali sebagai Pak Lah. Jadi dulu saya banyak mintak dengan tokoh-tokoh ni [ini]..banyak bersembang, banyak mintak pengalaman depa [mereka] tapi la [sekarang] depa [mereka] dah [sudah] takdak [tidak ada]..dah [sudah] meninggal [meninggal].

**Azyani :Bagaimana Encik mendapat ilham untuk menulis skrip dan rangkap karangan boria?**

Encik Omara : Untuk satu satu tema yang orang bagi tu--err (berfikir) saya...saya sendiri nak buat, cerita dia. Ok kata la saya nak buat tentang boria kadang-kadang filem Ali Baba Bujang Lapok, tema yang santai. tema yang tak [tidak] berat la. Err (berfikir)

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

saya kena tau [tahu] cerita tu [itu] la. Saya kena tau [tahu], mungkin saya kena bukak balik filem Bujang Lapok tu [itu]...kena tau [itu] watak-watak tu [itu] sapa [siapa] dia..jalan cerita tu [itu]...tukaq [tukar] kepada--watak dalam boria--ubah kepada boria...dan begitu jugak kalau saya nak satu cerita yang macam tadi kata la. Erm (berfikir) kata la tentang..tentang Melayu pekat ni [ini], macam err (berfikir)-cuba sebut satu apa yang...apa yang berat-berat kerajaan buat naa [ya]. Err (berfikir)...saya duk [ada] buat tapi saya lupa. Kata la projek kerajaan--apa yang berat tapi benda tu [itu] orang suruh saya buat..buat boria--saya pun berat jugak, saya pun berat integriti. Ok sebut integriti, kalau sebut integriti saya mungkin tak [tidak] tau [tahu] sebab saya zaman dulu kan. Err saya SPM ja [sahaja]..jadi saya tak [tidak] tau [tahu] apa dia integriti tu [itu]. Saya kena banyak membaca dan banyak guna media sosial jugak..saya cari la apa tu [itu] integriti, saya dapat benda-benda tu [itu] semua saya frame [bingkai] dulu. Saya frame [bingkai] saya akan letak dinding tu [itu]..sebab saya nak buat kalau karangan boria dia kena ada bunyi rangkap yang sama, jadi benda ni [ini] berat memang nak buat dia suka tapi nak buat bunyi tak [tidak] leh [boleh] sama lain-lain pulak. Kita kena da da da da..lepaih [lepas] tu [itu] di di di di, sa sa sa sa...la la la la..dia tak [tidak] boleh sama.

**Farhah : Tak [Tidak] boleh sama. (mengiyakan)**

**Azyani : Hmm (mengiyakan)**

Encik Omara : Jadi saya kena tengok apa-apa di di di, jadi saya kena cari apa dia punya di, di. Saya buat, tapi kena elok kalau kita buat lebih kurang, bunyi sama tapi dia tak [tidak] elok..tak [tidak]..takdak [tidak ada] makna jugak. Jadi kita nak perelokkan bahasa dia apa tu [itu]--dia makan..makan masa sikit.

**Azyani : Makan masa..(mengiyakan)**

Encik Omara :Tapi kalau kita ambik benda biasa--erm saya cepat. Saya boleh menghabiskan rangkap karangan boria dalam erm (berfikir) sepuluh minit. Sepuluh rangkap sepuluh minit. Satu rangkap seminit. Saya duk [tengah] macam saya biasa naik

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

bas pi [pergi] KL [Kuala Lumpur], pastu [lepas itu] ada orang mintak buat rangkap karangan boria secara mengejut..masa tu [itu] Pak Lah jadi Perdana Menteri, ada jamuan makan malam..depa [mereka] tu [itu] kata tolong buat sat [sebentar] rangkap karangan untuk Pak Lah, Perdana Menteri. Saya kata , “Nanti saya balik KL [Kuala Lumpur] saya buat”--”eh tak [tidak] leh [boleh] tak [tidak] leh [boleh] kami nak pakai malam ni [ini]”. Saya kata, “Allah saya duk [duduk] ataih [atas] bas ni [ini]”...”dak [tidak] kami mintak tolong jugak”...saya ingat nak tunggu la naik bas kan...depa [mereka] kata tu [itu]--sekarang ni [ini] tuan, saya pun pikiaq [fikir] Pak Lah Perdana Menteri... senang ja [sahaja]..dia tak [tidak] payah la teruk sangat--

**Azyani**

**& Farhah : Hahaha (Ketawa)**

Encik Omara : Macam ni [ini] tu [itu], puji la puji kan..dudududu send [hantar]...hantaq [hantar] pakai [guna] mesej...masa tu [itu] takdak [tidak ada]..takdak [tidak ada] Whatsapps... tak [tidak] macam la [sekarang] ni [ini] takdak [tidak ada] Whatsapps lagi...saya pakai [guna] mesej..satgi [kejap lagi] buat pulak..saya buat buat dapat sepuluh rangkap...hantaq [hantar]..saya tak [tidak] sampai KL [Kuala Lumpur] lagi.

**Azyani**

**& Farhah : Hahaha (Ketawa)**

**Azyani : Dia err automatik teruih [terus] boleh kan...haha (ketawa)**

Encik Omara : Haa [Ya]. Ok lagi satu kalau la kita dengaq [dengar] lagu...lagu ni [ini] dah jadi viral [terkenal] tau [tahu]. Orang--memang ramai orang tengok, kalau caghi [cari] dalam Youtube ada..lagu ni [ini] tajuk dia--saya buat...lagu saya la...’Sila Datang ke Pulau Pinang’...lagu ni [ini] depa [mereka] sebut-sebut boria. Sebenar [Sebenar] bukan boria..sebab depa [mereka] ingat saya depa [mereka] ingat boria, lagu tu [itu] yang, ”Sila datang ke Pulau Pinang’...nananana...” (Omara menyanyi). Lagu pulau banyak..lagu boria apa semua banyak, kalau tengok dalam Youtube pun orang tengok berapa puluh ribu ka [ke] ratuih [ratus] ribu..dia tulis

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

boria Pulau Pinang...boria..boria Pulau Pinang ka [ke] apa dia tulis tu [itu]...yang tu [itu] ya saya cipta lirik. Lirik tu [itu] saya tulis err (berfikir) sebenarnya [sebenarnya] saya buat album tu [itu] taun [tahun] sembilan puluh satu (91) dengan arwah M. Sharif. Err (berfikir) saya ada buat la lirik untuk A. Halim tapi lirik tu [itu] tak [tidak] terbuat...studio dah masuk...studio buat kat RTM. Jadi artis yang nak guna tu [itu]..err dah [sudah] masuk dah [sudah] duk [duduk] depan tu [itu] dah, jadi arwah M. Sharif dia..dia penerbit..dia panggil saya. Dia panggil, "Omara..Omara mana dia ni erm lirik dia?". Saya kata, "Lirik apa?". Lirik tu [itu] lagu..masa tu [itu] saya takdak [tidak ada] nama lagi la. Dia kata, "Tu [itu] lagu...lagu..lagu apa". Dia kata, "satu lirik pun takdak [tidak ada]". Saya kata, "Allah saya tak [tidak] buat lagi.". Dia kata, "Kena buat cepat ni [ini]..kita dah..penyanyi dah [sudah] masuk dalam..dah nak buat dah. Saya kata, "Sat sat sat.". Saya..du..duduk bertinggung di kerusi..ataih [atas] kerusi tu [itu]. Saya letak kertas duk [duduk] bertinggung saya tulis la. Ketaq [Ketar] ni [ini]..nak cepat...erm (berfikir) dalam sepuluh minit siap...sepuluh minit siap dan lagu tu [itu] terus dirakam..dan lagu tu [itu] memang popular. Radio Pulau Pinang pasang tiap-tiap hari, kalau erm selepas berita atau sebelum berita..dah [sudah] jadi lagu wajib. Dan di mana-mana buat apa ka [ke], lagu tu [itu] akan ni [ini]--dia tak [tidak]--saya keluarkan [keluarkan] nak cerita libatkan sepuluh minit hal lirik tu [itu].

**Azyani : Haha (Ketawa)**

Encik Omara : Haa [Ya] saya banyak buat tu [itu]. Benda..yang saya dapat buat dengan cepat dan terpakai..jadi tu [itu] la kata err (berfikir) tadi soalan tadi kata apa? Kata buat..rangkap karangan?

**Azyani : Err (berfikir) mendapat ilham.**

Encik Omara : Haa [Ya] mendapat ilham. Jadi, ilham ni kadang-kadang dia berat...jadi kata kalau benda tu [itu] berat..saya kena kaji dulu.

**Azyani : Ambik masa. Erm pernahkah Encik mendapat jemputan untuk membuat persembahan boria di luar Pulau Pinang?**

Encik Omara : Err (berfikir) pernah. Pernah di luaq [luar] negara saya tolak buat benda ni [ini].  
Saya dapat di..di apa..di Indonesia di Riau.

**Azyani**

**& Farhah : Ouhh (Kagum)**

Encik Omara : Kepulauan Riau saya dapat...saya tolak, jadi yang saya luaq [luar] negara semua  
saya tak [tidak] pernah lagi la sebab ahli kumpulan orang kami banyak  
belajar..yang bekerja pun payah..jadi saya hanya terima di dalam Malaysia ja  
[sahaja].

**Azyani : Dalam Malaysia ja [sahaja]. (mengiyakan)**

Encik Omara : Macam Pahang ke apa..Negeri Sembilan.

**Farhah : Pertandingan la ka [ke] persembahan?**

Encik Omara : Haa dak [tidak], persembahan..persembahan.

**Azyani : Persembahan (mengiyakan). Memang banyak [banyak] ar [la] duk terimo  
[terima] ni [ini]? Jemputan ni [ini]?**

Encik Omara : Haa [Ya] Alhamdulillah ada-ada.

**Farhah : Tiap-tiap taun [tahun]?**

Encik Omara : Haa [Ya] tiap-tiap taun [tahun], tiap-tiap taun [tahun]... bulan..

**Azyani : Bulan mesti ada?**

Encik Omara : Tapi ada masa dia nak nak nak menguji kita, nak jadi tak [tidak] jadi ni [ini]..haa  
[ya] kadang-kadang sampai 3 bulan takdak [tidak ada] show [persembahan] takdak  
[tidak ada], ada jugak. Kadang-kadang..masa tu [itu] saya susah hati la...apa  
takdak [tidak ada]...kesian kat..kat orang-orang saya ni [ini]..kat orang-orang boria  
ni [ini]. Depa [Mereka], "Encik Omara takdak [tidak ada] apa Encik Omara?".  
Kesian depa [mereka]..haa. La [Sekarang] ni [ini] Alhamdulillah ada balik.

**Farhah : Kalau apa buat dekat luaq-luaq [luar-luar] tu [itu] kan err (berfikir) selalu buat dekat mana persembahan? Sekolah ka [ke] U [Universiti] ka [ke]?**

Encik Omara : Haa [Ya] di luaq [luar]? Di luaq [luar] err (berfikir) merata la, kita buat di..ikut penganjur la..kalau penganjur panggil, jabatan-jabatan kerajaan..makan-makan malam...kita buat..di luaq [luar]. Acara apa-apa terlibat di luaq [luar]...err (berfikir) macam-macam la. Kira benda tu [itu] tak [tidak] tentu..haa tapi macam saya kata tadi, acara paling banyak sekali tv [televisyen] la. Tu [Itu] tak [tidak] keluaq [keluar] lagi duk [tengah] ada dua puluh..ni [ini] duk [tengah] nak rakam lagi minggu depan tambah lagi...hehe (ketawa kecil)

**Farhah : Hikhikhik (Ketawa kecil).**

**Azyani : Hikhikhik (Ketawa kecil). Duk [Tengah] menunggu nak keluar?**

Encik Omara : Haa [Ya].

**Azyani :Pada tahun ini berapakah persembahan boria yang telah dipersembahkan?**

Encik Omara : Taun [Tahun] ni [ini]. Taun [Tahun] ni [ini]..lebih kurang la...saya tak [tidak] ingat. Saya ingat ermm (berfikir) mungkin tujuh lapan boria la kot (mungkin). Haa tujuh lapan setakat la [sekarang] lah.

**Farhah : Setakat la [sekarang]?**

Encik Omara : Haa [Ya].

**Farhah : Start [Mula] dari awai [awal] taun [tahun] hari tu [itu]?**

Encik Omara :Sebab..sebab awai [awal] taun [tahun] ada 2 bulan lepaih [lepas]. Bulan sa..bulan satu ada bulan, bukan bulan satu bulan dua takdak [tidak ada] langsung..hmm (berfikir) takdak [tidak ada] langsung.

**Farhah : Takdak [Tidak ada] langsung?**

Encik Omara : Hmm (menganggukkan kepala). Kalau ada mungkin tak [tidak] banyak hari.

**Azyani : Start [Mula] bulan tiga tu [itu]?**

Encik Omara : Bulan 3 hujung baghu [baru] mula balik.

**Azyani : Err (berfikir) dimanakah persembahan tersebut diadakan?**

Encik Omara : Yang.. taun [tahun] ni [ini]?

**Azyani**

**& Farhah : Haa [Ya] yang taun [tahun] ni [ini].**

Encik Omara : Erm (berfikir) merata. Taun [Tahun] ni [ini] erm (berfikir) lebih banyak sekitar Pulau Pinang. Senang cakap saya tak [tidak] keluaq [keluar] Pulau Pinang.

**Azyani : Tahun ni tak [tidak] keluar lagi la?**

Encik Omara : Dak [Tidak] lagi. Cuma taun [tahun] lepaih [lepas] tu [itu] bulan Disember tu [itu] saya ada buat di KL [Kuala Lumpur] tapi hujung bulan dikira taun [tahun] lepaih [lepas] la. Haa [Ya] lepaih [lepas] lepaih lepas] habis KL [Kuala Lumpur] tu [itu] saya diam sat [sekejap], 2 bulan tu [itu]. Parti parti ghazal parti. Tu [Tidak] kita cakap dari segi boria kan. Sebab saya buat jugak..saya berurusan jugak dengan ghazal parti. Kalau ghazal parti ni [ini] ada la...ni [ini] ada la.

**Farhah : Ghazal parti tu apa? Err oghang [orang] yang hat [yang] boria jugak la?**

Encik Omara : Orang boria terlibat dalam dua tiga orang ja [sahaja]. Yang lain orang lain la sebab..lain.

**Azyani : Ouhh yang lain (mengiyakan)..orang lain pulak?**

**Farhah : Ouhh oghang [orang] lain pulak? Ouhhhh**

Encik Omara : Dia ghazal parti ni [ini] sebab dia kumpulan oghang [orang]. Err (berfikir) saya menguruskan dan saya masukkan artis-artis saya dua tiga oghang [orang]..dalam tu [itu].

**Farhah : Kira hat [yang] ni [ini] benda ni [ini] hat [yang] kumpulan oghang [orang] lain la? Encik cuma mengurus ja [sahaja]?**

Encik Omara : Dak [Tidak] dak [tidak]. Boria saya punya sendiri.

**Farhah : Haa.**

Encik Omara : Ghazal parti tu [itu] oghang [orang] kawan saya.

**Farhah : Kalau macam rangkap-rangkap dia tu [itu]? Encik buat la?**

Encik Omara : Dak [Tidak]. Ghazal parti dia start [mula] lagu ja [sahaja]. Dia biasa..jadi tak [tidak] terlibat la..pengurus ja [sahaja].

**Farhah : Ouhh lagu ja [sahaja].**

**Azyani : Pengurus ja [sahaja] la.**

Encik Omara : Dan pernah sekali..erm (berfikir) adik saya dia pelawak ghazal parti dia ada di KL [Kuala Lumpur]. Satu show [persembahan] kat Penang. Erm sebab ghazal parti ni [ini] dia kena wajib ada pelawak ada penari, jadi kerana adik saya takdak [tidak ada]..saya tak [tidak] dapat caghi [cari] pelawak ghazal parti. Err saya sendiri la jadi pelawak dan yang tu [itu] la kali pertama, saya pelawak ghazal parti..dan saya malu sangat-sangat.

**Farhah : Hahaha (Ketawa)**

Encik Omara : Yang depa [mereka] kumpulan boria ada duk apa semua. Depa [Mereka], "Encik Omara Encik Omara..". Sat [Kejap] saya tak [tidak] mau [mahu] keluaq [keluar], show [pertunjukan] nak start [mula] dah saya kena keluaq [keluar]. Saya buat misai macam adik saya..saya pakai semua macam dia. Saya kena keluaq [keluar] menari dengan gaya lawak kan? Tapi tak [tidak] leh [boleh] jadi..saya cuba jugak. Yang depa [mereka], "Encik Omara keluaq [keluar] la Encik Omara--buat la Encik Omara. Encik Omara menari sikit...". Lama-lama saya jadi tak [tidak] tau [tahu] saya lari masuk jugak.

**Farhah : Hikhikhik (Ketawa kecil)**

Encik Omara : Tu gambaq [gambar] saya dah la oghang [orang] ambik semasa saya tengah ada di pentas, segan la sikit. Sebab saya tak [tidak] boleh, saya boleh melawak

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

tapi..menari saya..saya malu..hihihi (ketawa kecil). Menari ja [sahaja] saya malu..benda lain takpa [tidak apa].

**Azyani : Hihhi (Ketawa kecil)**

**Farhah : Hihhi (Ketawa kecil). Kata macam apa..macam hat [yang] boria ni [ini] kan? Err (berfikir) watak Encik tu [itu] depan ke?**

Encik Omara : Depan macam mana?

**Farhah : Macam apa? Tukang apa tu [itu]?**

Encik Omara : Ooo dak [tidak].

**Farhah : Dak [Tidak] ooo dak [tidak].**

Encik Omara : Saya pagi tu [itu] saya ganti kalau oghang [orang] takdak [tidak ada]. Kalau kami kecemasan..tukang karang saya takdak [tidak ada], saya buat la..saya buat. Err (berfikir) yang di berdasarkan sketsa, dia ada latihan sketsa--erm yang awai [awal] tu [itu]...skrip sketsa...tukang karang tu [itu] hanya bila terdesak sangat-sangat oghang [orang] takdak [tidak ada] baghu [baru] kita buat.

**Farhah : Takdak [Tidak ada] (mengiyakan). Ouhh selalu macam Encik ni [ini] watak sketsa tu [itu] la..dalam tu [itu]?**

Encik Omara : Haa [Ya]. Sketsa dan menguruskan tu [itu] semua, buat rangkap karangan pun saya..lagu semua penyediaan..semua saya tapi tang [dekat] menari tu [itu] bukan saya. Tapi dalam boria, kita boleh menari..macam saya pegang payung saya buat. Baghu [Baru] ni [ini] saya pi [pergi] dekat Padang Kota untuk drama muzikal tajuk 'Ukhuwah err (berfikir) 'Destinasi Ukhuwah' nama dia. Dia bersiri drama..dengan pelakon-pelakon terkenal la jugak. Tapi macam saya kata tadi la..pelakon terkenal tapi kita tak [tidak] kenai [kenal].

**Azyani**

**& Farhah : Hikhikhik (Ketawa)**

Encik Omara : Budak-budak semua pakat kenai [kenal]. Depa [Mereka] ambik gambaq [gambar] semua. Saya--saya tak [tidak] kenai [kenal]..hehe (ketawa kecil).

**Farhah : Hikhikhik (Gelak)**

Encik Omara : Tu [Itu]...dalam--dalam drama tu [itu], err (berfikir) saya kena--saya pegang payung jugak sebab oghang [orang] takdak [tidak ada]. Saya kena menari jugak la..menari macam tu [itu] kan..yang tu [itu] takpa [tidak apa] la.

**Farhah : Pastu [Lepas itu] tukang hat [yang] karang tu [itu] laki [lelaki] la?**

Encik Omara : Haa [Ya] la [sekarang] ni [ini] pompuan [perempuan]. Dulu--dulu laki [lelaki]..la [sekarang] ni [ini] pompuan [perempuan] jugak.

**Farhah : Pompuan [Perempuan]. Laki [Lelaki] takdak [tidak ada] la noh [dah]?**

Encik Omara : Haa [Ya] dulu ada la laki [lelaki]. Encik Zul tu [itu] dia duk [tinggal] sini. Dia la cipta lagu semua. La [Sekarang] dia tak [tidak] mau [mahu] sebab dia badan dia pun dah naik, dia segan dia kata. Dia--dia apa..dia kata berumoq [berumur] la jugak kan..berumoq [berumur]. Dia muda sikit dari saya tapi dia kata dia segan kata. Dulu dia mau [mahu]..sampai KL [Kuala Lumpur] semua dia pi [pergi]. La [Sekarang] ish dia kata tak [tidak] mau [mahu] la. Haha (Ketawa)

**Azyani : Hahaha (Ketawa). Sekarang ni [ini] semua laki [lelaki] takdak [tidak ada] la? Semua pompuan [perempuan] la terlibat?**

Encik Omara : Takdak [Tidak ada]. Semua pompuan [perempuan]. Err dulu ada, dulu laki [lelaki] semua. Saya ada banyak--banyak laki [lelaki] la. Err dulu laki [lelaki] semua..ada masa bercampoq [bercampur] tapi la [sekarang] ni [ini] kebetulan bila saya nampak oghang [orang] saya lebih pompuan [perempuan], saya teruih [terus] kekalkan semua pompuan [perempuan]. Sebab senang saya nak uruskan depa [mereka], saya tak [tidak] suka jugak macam pi [pergi] jauh..nak pi [pergi] mana pi [pergi] mana tak [tidak] boleh..dari segi pergaulan ka [ke] apa ka [ke] ada benda yang tak [tidak]..tak [tidak] kena kan? Bila pompuan [perempuan] semua senang jaga.

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

**Farhah : Hmm betui [betul] (mengiyakan). Pastu [Lepas itu] err baju tu [itu] selalunya baju hat [yang] untuk persembahan tu [itu] kan dia ikut tema la?**

Encik Omara : Erm (berfikir) haa [ya] dia ikut tema tapi kalau normal. Kalau boria moden biasa, kita pakai baju yang kita nampak tu [itu] la...baju yang ada butang baju gambar apa. Tu [itu] boria moden. Kalau boria lama macam yang saya buat Ali Baba pakai ala Arab. Kalau saya buat macam filem Labu Labi, saya pakai macam Labu Labi la..ada pakai tu [itu] semua ada la..ada pakai apron apa semua..mengikut tema.

**Farhah : Haa [Ya] ada.**

**Azyani : Apa beza boria moden dengan boria lama?**

Encik Omara : Boria lama boria asal. Sebab boria dulu erm (berfikir)--zaman dulu ni [ini] boria kalau ikut sejarah dia, dia pakaian beragam. Maksud dia boleh pakai India, Cina, Arab apa-apa. Tapi boria moden, biasa masuk taun [tahun] 70an baru timbul boria moden. Pakaian seragam..bila pakai sama oghang [orang] kata boria kan? Bila oghang [orang] pakai sama, "Eh boria...".

**Farhah : Haa [Ya] betui [betul].**

**Azyani**

**& Farhah : Boria. Haha (Ketawa kecil)**

Encik Omara : Sebab boria jadi sama. Sebenaqnya [Sebenarnya] boria bukan pakai sama..dia beragam..haa. Tapi tempat dengan tempat err (berfikir) berlaku percubaan ni [ini]..err (berfikir) RTM, depa [mereka] buat pertandingan nama 'Dendang Rakyat' taun [tahun] 70an. Dalam pertandingan 'Dendang Rakyat' ni [ini], dia ada pertandingan boria, dikir barat, err (berfikir) ghazal..err (berfikir) keroncong..ada apa-apa lagi. Dalam 'Dendang Rakyat' bila ada boria, RTM yang atuoq [atur] boria asal dulu macam mana..macam ni RTM ubah-ubah. Syarat dia kena pakai sama, kena duduk dua baris, kena pandang depan..macam ni macam ni. Semua kumpulan boria yang masuk tu [itu] semua kena ikut syarat, dari situ boria berubah. Bila boria berubah, selepas tu [itu] boria teruih [terus] tak [tidak] pakai cara lama

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

dah. Semua dia ikut cara baru..jadi kami panggil tu [itu] boria moden. Kalau boria dulu, kami panggil boria asal ataupun boria asli..haa tu [itu] boria yang dulu. Err (berfikir) tapi kalau ikut pandangan oghang [orang] la, boria dulu lebih meriah. Kalau tengok dalam Youtube, cuba cari 'Boria Omara' di Dataran Merdeka, KL [Kuala Lumpur], terlibat di Dataran Merdeka sempena Georgetown dan Melaka diisytihar Bandar Warisan Dunia. Masa tu saya bawa boria. Masa tu [itu] persembahkan kami saya buat boria asli dulu la, boria asal lagi meriah..menari tak [tidak] ikut step [langkah]..oghang [orang] yang menari ni [ini] dia menari ja [sahaja]..bebas.

**Farhah : Ikut ja [sahaja]..haa ikut ja [sahaja]...bebas. (mengiyakan)**

Encik Omara : Saya pun ada ataih [atas] pentas tu [itu] kalau saya tengok, saya pakai topi macam Cina kan? Saya pakai baju merah baju Cina yang ada tu [itu]. Kalau tengok dalam video tu [itu] nampak saya duk [duduk] belah kanan.

**Farhah : La [Sekarang] ni [ini] lebih kepada boria moden la noh [kan]?**

Encik Omara : Dia--kebanyakan semua oghang [orang] buat boria moden. Cuma saya bulan 16..bukan, 16 Jun. Bulan puasa ni [ini]..haa ada penganjur panggil kami buat boria di SP Arena, Seberang Jaya sempena Ramadhan lepaih [lepas] Jumaat. Kami kena buat pukul 5.00 petang sampai 7.00 malam, sebelum bukap puasa. Jadi masa tu [itu] saya kena gerak semua pompuan [perempuan], saya kena ubah depa [mereka] sebab lagu tak [tidak] dapat lagi ni [ini]. Baghu [Baru] cakap, menari pun pakai yang nampak lebih islamik lagi..pakaian kena lebih islamik..kemudian dengan pergerakan tu [itu] kena clear [jelas] tak [tidak] clear [jelas] macam la [sekarang] lompat-lompat ni [ini] tak [tidak] boleh la sebab tu [itu] bulan Ramadhan. Tak [Tidak] kan bulan Ramadhan kita nak ni [ini] kan? Nanti oghang [orang] hentam saya pulak..haha (Ketawa kecil).

**Farhah : Hikhikhik (Ketawa)**

Encik Omara : Nanti kami akan buat latihan la..sesuai dengan tema..hmm. (mengganggu kepala)

**Farhah : Err (berfikir) apa Encik buat puisi jugak kan?**

Encik Omara : Buat.

**Farhah : Haa kalau macam puisi tu [itu] idea sendiri ka [ke]?**

Encik Omara : Idea sendiri tapi saya buat dulu la..puisi ni [ini] dulu. La [Sekarang] ni [ini] saya dah berhenti. Kadang-kadang la sangat kalau apa-apa tu [itu] barulah saya buat sepotong dua. Jadi dia ikut macam lu semarak--saya boleh tulis sajak. Err (berfikir) pada taun [tahun] 71, saya tingkatan..tingkatan lima..saya tingkatan lima sekolah menengah tu [itu]..masa tu [itu] saya dah tulis dua buah sajak..err dan nasib saya baik..boleh di--saya hantaq [hantar] ke penerbit tv [televisyen], disiarkan di TV1..sajak tu [itu] daripada deklamasi di tv [televisyen]. Kemudian err depa [mereka] tunjuk gambaq [gambar]. Jadi kerja yang saya dapat tu [itu]..masa tu [itu] ada peristiwa, peristiwa banjir besar-besaran seluruh Malaysia. Masa tu [itu] hujan turun dekat seminggu, banjir besaq [besar] sampai kita tak [tidak] nampak matahari langsung..gelap. Jadi daripada tu [itu] saya buat sajak yang bertajuk err, 'Mentari dan Bumi'. Saya tulis, "Di mana, mana mentari.." ada lepaih [lepas] tu [itu] ada la. Keluaq [Keluar] di tv [televisyen] dan dapat ulasan daripada Sasterawan Negara masa tu [itu], arwah Osman Awang..dia bagi ulasan. Masa tu [itu] saya seronok tu [itu], tika [Ketika] tu [itu] baghu [baru] sekolah menengah..tv [televisyen] pulak ada satu ja [sahaja]. Bila keluaq [keluar], mai [mari] sekolah semua oghang [orang] tau [tahu]..depa [mereka] duk sebut. Saya pakai nama pena dulu, Omar M. Hashim. Bila sebut err penulisan Omar M. Hashim..karya Omar M. Hashim, mai [mari] sekolah semua, "Wooo dahsyat wooo hang [kau] keluaq [keluar] tv [televisyen] la." Semua ada la. Pastu [Lepas itu] buat yang kedua pulak, berdasarkan tragedi..err (berfikir) tragedi 12 September. Saya ingat lagi tarikh tu [itu]...taun [tahun] 71, 12 September taun [tahun] tujuh puluh satu. Ada tragedi feri karam di Sungai Kerian antara--kalau cari balik dalam Google ada la..kalau cerita mesti takdak [tidak ada] dah dalam tu [itu] kan? Err (berfikir) feri karam bawak..bawak budak-budak, pelajar sekolah..sekolah rendah..van sekolah yang--pelajar duk [ada] ataih [atas] van sekolah. Jadi feri tu [itu] karam dengan van van sekolah. Habis semua jadi... semua

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

mati...pelajar-pelajar semua..habis semua dalam Sungai. Sungai Kerian..antara Parit Buntar dan Bandar Baru. Peristiwa tu [itu] memang..memang sejarah la...peristiwa yang menyayat hati satu Malaysia semua oghang [orang]--sampai helikopter mai [datang] cari...semua mai [mari] cari kan. Jadi saya terlampau sedih saya tengok berita tv [televisyen], tengok macam tu [itu]..tengok oghang [orang] duk cari..tak [tidak] jumpa lagi mayat apa semua. Err (berfikir) saya dapat ilham la, saya tulis sajak..'12 September di Sungai Kerian'. Tv [Televisyen] tayang di tv [televisyen] tu [itu], dia tunjuk gambaq-gambaq [gambar-gambar]..mendiang-mendiang tu [itu] la. Err jadi masa tu [itu] la saya dapat, pasal tv [televisyen] tanya saya err dapat ilham apa kan? Ilham daripada benda yang berlaku..daripada kejadian-kejadian semasa, tu [itu] yang bermula..bermula tulis puisi la..masa sekolah menengah.

**Farhah : Berapa banyak puisi yang Encik tulis?**

Encik Omara : Banyak.

**Farhah : Banyak..(mengiyakan)**

Encik Omara : Kalau kira...beratuih [beratus] la. Banyak. Saya ada simpan dalam buku yang--satu buku hilang [hilang]. Dia ada dua buku. Saya...saya tulis tangan semua, saya tulis tangannn..saya buat satu buku. Satu buku tebal tu [itu]..satu hilang [hilang] satu ada. Saya selak-selak sikit...sesekali saya ada--saya ambik ambik gambaq [gambar]..saya masuk dalam Facebook. Pengurusan tanya saya, masa tu [itu] 70an dah tu [itu]..masa tu [itu] saya aktif err puisi.

**Azyani : Sekarang ni [ini]?**

Encik Omara : La [Sekarang]..la [sekarang] memang boleh kata dak [tidak]. Kalau oghang [orang] mintak ja [sahaja]. Hari tu [itu] Imuda dia ada nak buat sempena Hari Ibu, dia kena baca sajak pasal Ibu. Dia suruh saya buat..saya buat la. Dia kata, "Baguih [bagus]..oghang [orang] semua bagi tepukan semua terbaik." Saya seronok takpa [tidak apa] la..hihi (Ketawa).

**Azyani : Hihhi (Ketawa)**

Encik Omara : Ni [Ini] la kalau oghang [orang] guna pantun untuk apa-apa majlis, saya buat jugak. Pastu [Lepas itu] err (berfikir) macam..majlis perkahwinan, majlis Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang..dia ada majlis apa-apa..macam pantun enam kerat ka [ke]..macam pantun yang indah-indah kan? Macam err (berfikir) haa, “Mohon kami err merafak sembah la..” Lagu tu [itu] lagu ni [ini] la apa semua kan? Saya buat la..sebab baghu [baru]--yang paling baghu [baru]..dalam bulan lepaih [lepas], saya buat pantun ‘Dondang Sayang’ untuk depa [mereka] main err sempena hari jadi Gabenor, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang. Hari jadi 70denti [ke] hari apa tah [entah]...hari pelantikan dia sebagai sambung jadi jawatan Yang Dipertua Negeri. Jadi pantun tu [itu] saya buat la. Hmm (berfikir) jadi..suka jugak bila untuk tv [televisyen] pun..haa kadang artis Nassier Wahab. Nassier Wahab, dia tengah menyanyi cerita boria di tv [televisyen]..depa [mereka] bagi Siso yang buat. Siso yang kumpulan Koprata tu [itu], Siso buat tak [tidak] boleh...dia buat cam [macam] mak. Nassier Wahab tengok tengok..tak [tidak] betui [betul], dia tak [tidak] mau [mahu] nyanyi. Pastu [Lepas itu] Nassier Wahab hantaq [hantar] kat saya, suruh saya tengok. Saya tengok..eh saya kata, “Tak [Tidak] boleh. Siso buat tak [tidak] boleh”. Dia suruh saya buat..saya buat la. Saya buat bagi Nassier Wahab menyanyi di tv [televisyen]. Pastu [Lepas itu] tv [televisyen]...tv [televisyen] bayaq [bayar] duit la kat saya. Haa macam benda-benda tu [itu] banyak la jugak saya buat, di mana oghang [orang] suruh..walaupun peringkat ataih [atas] pun..peringkat-peringkat..kerabat diraja ka [ke] apa ka [ke]..haa saya buat.

**Farhah : Oghang [Orang] suruh buat..**

Encik Omara : Tapi oghang [orang] tak [tidak] tau [tahu] la. Dia tak [tidak] kan [akan] sebut la, “Haa ni [ini] hasil karya Omar Hashim ka [ke] Omara”. Takdak [Tidak ada] sebut la..sebab puisi tu [itu] kan belum boleh, tapi saya seronok..saya kata, “Haa ni [ini] aku punya la”. Hahaha (Ketawa).

**Azyani : Boleh Encik katakan erm apa keistimewaan boria?**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Boria? Boria istimewa sebab dia bagi saya dia empat dalam satu macam syampu.

**Farhah : Hikhikhik (Ketawa)**

Encik Omara : Dia ada sketsa, satu lakonan sebabak..satu scene [babak]..bermula sketsa..dia ada tukang karang. Err (berfikir) di...di—benda lain takdak [tidak ada] tau [tahu]..takdak [tidak ada]. Sketsa satu babak secara bentuk boria ni [ini] lain, dia bukan teater. Jadi ada pada boria, tukang karang ada pada boria..yang pegang tongkat kat depan tu [itu]..dia akan menyanyi ikut susunan rangkap karangan yang empat suku kata atau lima bunyi sama. Ada dalam boria tukang karang. Yang ketiga dia panggil sailor atau kelasi, yang duduk dua barisan di belakang..yang menari yang menyanyi mengikut tukang karang. Itupun takdak [tidak ada] di dalam..dalam..walaupun kita kata tarian, tarian boleh buat macam-macam. Penari banyak..tarian seni boria, dia boria...tari boria ja [sahaja]..dia lain. Jadi sketsa, tukang karang, haa apa tu [itu] sailor, gerak tari boria..err gerak tari boria..lepas [lepas] tu [itu] rangkap karangan. Rangkap karangan ni [ini], kalau boria takdak [tidak ada] rangkap karangan, dia bukan boria. Rangkap karangan boria dia memang menarik. Kalau kaji balik..kaji balik kan? Tengok balik, susunan dia memang selalunya berat..takdak [tidak ada] takdak [tidak ada]..tapi bila buat benda tu [itu] jadi cantik elok. Dia tak [tidak] sama macam dikir barat, err saya buat—saya berjumpa [berjumpa] dengan--saya berkawan dengan oghang [orang] dikir barat..yang kumpulan tukang karut apa semua tu [itu] kan? Memang kawan baik la..haa memang..dengan saya. Kalau depa [mereka] mai [datang] Pulau Pinang pun depa [mereka] caghi [cari] saya. Kami baik tapi kalau depa [mereka] sendiri, depa [mereka] duk rasa bangga dengan dikir barat depa [mereka]. Depa [Mereka] kata depa [mereka] punya nyanyian semua tu [itu] kan? Tapi saya tak [tidak] mau [mahu] la kata. Sebenarnya [Sebenarnya] seni kata boria bunyi kata indah elok tau [tahu], depa [mereka] ni [ini] bunyi seakan sama ja [sahaja]. Depa [Mereka] pakai hentam ja [sahaja], macam..depa [mereka] boleh sebut kan? Macam, “Loni [Sekarang] ambo [saya] nak royak [beritahu] apa la ni ni ni..” haa jadi la. Kita tak [tidak] boleh..benda tak [tidak] elok saya tak [tidak] buat. Tapi depan depa [mereka]

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

saya tak [tidak] cakap la. Depan depa [mereka] saya kata, “Baguih [Bagus] baguih [bagus].”..hahaha (Ketawa)

**Azyani : Haa..hahaha (Ketawa)**

Encik Omara : Sebenarnya [Sebenarnya] kita memang elok. Boria memang dikatakan... boria memang menarik sebab boria empat dalam satu tadi. Dia meriah, ceria..tak [tidak] membosankan dan saya menafikan oghang [orang] kata boria ni [ini] tak [tidak] mendapat sambutan. Generasi muda tak [tidak] suka..saya nafikan. Sebenarnya [Sebenarnya] generasi muda suka..la [sekarang] ni [ini] kalau saya bukak lagi keahlian, saya nak..golongan- golongan muda..generasi muda ramai—sapa [siapa] kata tak [tidak] suka kan? Depa [Mereka] suka tapi orang ramai tak [tidak] tau [tahu]. Oghang [Orang] luaq [luar] depa [mereka] kata, “Mengapakah boria sekarang ni [ini]..bosan kan? Mengapakah boria sekarang ni [ini] tidak diminati oleh generasi muda?”. Saya kata, “Sapa [siapa] kata tak [tidak] minat? Minat.” Jadi boria sebab dia seronok, rancak..semua oghang [orang] suka benda yang riang ria, seronok lewa macam ceria kan? Semua oghang [orang] nak macam tu [itu]. Jadi boria ada, kalau Dondang Sayang yang berasal dari Melaka..dia sedih...dia menghimpun lagu tu [itu] ta na na na... dia ulang balik ta na na na... baghu [baru] dia pantun... main lagi..baghu [baru] dia pantun. Tapi bukan kita menghina semua tu [itu]. Saya semua seni budaya semua saya hormat, yang kecik-kecik tu [itu]..sapa [siapa] kata benda tu [itu] tak [tidak] penting saya marah. Jadi elok, dia elok tapi kalau nak macam hiburan..dapat kat boria. Haa dikir barat pun sama. Dikir barat pun ceria jugak, dia muzik rancak. Jadi bila tanya sapa [siapa] dia? Saya kata, “Boria ceria..dan boria ada segala macam empat dalam satu tu [itu].” Oghang [Orang] nak tengok tang [dekat] mana, nak tengok sketsa..sketsa ada lawak—dia ada lawak jugak, nak tengok tukang karang..dia ada boleh menyanyi tapi tak [tidak] boleh la menari..ada sailor menari..semua ada..semua tu [itu] berlaku dalam.. masa persembahan tu [itu]..ok lagi la.

**Farhah : Hmm. Sketsa tu [itu]. (mengiyakan)**

**Azyani : Erm kira boria ni [ini] dia ada macam karangan dia kan? Kira dia tak [tidak] spontan la? Ke dia..dia ada spontan jugak?**

Encik Omara : Sepatutnya kena spontan. Zaman dulu..err (berfikir) tukang karang boria, dia keluaq [keluar] dengan apa dia cakap semua spontan. Semua elok betul tapi zaman la [sekarang] tak [tidak] dapat oghang [orang] nak tu [itu]. Kita dah takdak [tidak ada] dah..kita kehilangan oghang [orang] yang boleh pantun..

**Farhah : Spontan..(menyampuk)**

Encik Omara : Boleh sebut rangkap karangan dengan betul kan? Takdak [Tidak ada]. Saya boleh buat..spontan.

**Azyani : Kira sekarang ni [ini] kena buat..tulis dulu?**

Encik Omara : Kena tulis. Kena tulis dulu..dan mungkin saya oghang [orang] latar belakang..dan tu [itu] hanya menghafal dan membaca ja [sahaja]. Tapi saya sendiri kalau oghang [orang] bagi saya jadi tukang karang boria la, saya boleh cuba...cuba naik ataih [atas] pentas sebab saya boleh rangkap karangan jugak.

**Farhah : Hmm..(mengiyakan)**

Encik Omara : Tapi dalam cepat tu [tu]..kadang-kadang dia mungkin tak [tidak] lembab la. Satgi [kejap lagi] saya cerita..dia mungkin ada satu tersilap ka [ke] apa ka [ke]..mungkin jugak. Kalau bercakap saya buat jugak..macam saya tengah duk bercampaq [bercampur] ramai-ramai tu [itu] kan? Cakap cakap cakap benda yang bunyi macam rangkap karangan, depa [mereka] tengok, "Ooo Encik Omara dah siap haa." Bila suruh dua tiga kali saya tak [tidak] leh [boleh] dah..hihihi (ketawa kecil)..tak [tidak] leh [boleh] nak buat dah.

**Farhah : Hikhikhik (Ketawa)..haa [ya] betui [betul]. (mengiyakan)**

**Azyani : Tak [Tidak] leh [boleh]..haha (Ketawa)**

Encik Omara : Depa [Mereka] suruh, "Lagi-lagi Encik Omara." Saya kata, "Cukup la..tak [tidak] leh [boleh] banyak sangat." Hahaha (Ketawa).

**Farhah** : Tak [Tidak] leh [boleh] dah.

**Azyani** : Soalan last [akhir]. Soalan last [akhir]..haa (berfikir) ada lagi..hihihi..err (berfikir) selain boria Pulau Pinang, adakah terdapat kumpulan boria lain...lagi?

Encik Omara : Di mana? (bertanya)

**Farhah** : Kat sini.

**Azyani** : Selain...

Encik Omara : Pulau Pinang? (bertanya)

**Azyani** : Haa [Ya]..di Pulau Pinang.

Encik Omara : Tapi kata tadi selain boria Pulau Pinang?

**Azyani** : Selain boria Pulau Pinang.

**Farhah** : Macam selain group [kumpulan]--kumpulan.

Encik Omara : Ooo yaa? (menganggukkan kepala)

**Farhah** : Kumpulan..haa [ya] kumpulan Encik..ada lagi dak [tidak]?

Encik Omara :Haa (berfikir) saya Boria Omara la setakat ni [ini] Boria Omara, dulu nama macam-macam la. Jadi selain dari kumpulan saya..ada. Erm jadi boria ni [ini] dia bergantung kepada aktif dengan tak [tidak] aktif. Ada satu masa, dia ada lapan kumpulan ja [sahaja] di Pulau Pinang. Tapi la [sekarang] ni [ini] dia dah naik balik...dah berbelas dah.

**Farhah** : Ada banyak la?

Encik Omara :Dan tak [tidak] kira lagi boria sekolah. Contoh boria sekolah (berfikir)..ouhh beratuih [beratus] la. Tu [itu] pasai [pasal] tu [itu] kita boleh buat baghu [baru] ni [ini] 4,150 oghang [orang], boria yang terbesaq [terbesar]. Sebab kita ada...err (berfikir) ramai..kumpulan sekolah banyak. Haa tapi kalau kata kumpulan

veteran..erm (berfikir) yang macam kami ni [ini]..setakat la [sekarang] berbelaih [berbelas] je la.

**Azyani : Berbelaih [Berbelas].. (mengiyakan)**

Encik Omara : Haa (Ya) dah meningkat dah..haa tapi yang aktif dah jatuh lapan macam tu [itu] la.

**Azyani : Err (berfikir) antara..antara boria--kumpulan boria dengan..bahagian pulau dengan bahagian sini dia sama je ke? Ke ada beza dia?**

(\*Start dari minit 02:17:30 dan berakhir di minit 02:21:21, tokoh yang ditemubual ini, Encik Omara meminta supaya tidak didedahkan apa yang diceritakan oleh beliau mengenai perbezaan kumpulan boria di Pulau Pinang.)

**Azyani : Soalan last [akhir]. Apa nasihat atau harapan Encik untuk err kepada golongan belia muda sekarang ni [ini]..dalam bidang boria ni [ini]?**

Encik Omara :Apa (berfikir) bagi saya boria, kita..kita nak bagi boria ni [ini] berkekalan dan teruih [terus] lagi merebak ke masa depan. Saya..pandangan saya ni [ini] daripada tadika, kena diajaq [diajar] boria daripada tadika. Haa [Ya] dia kena mula dengan tadika. Sebab jiwa kanak-kanak tu [itu]...macam saya pun apa yang saya boleh jadi macam sekarang ni [ini] saya bermula daripada--saya takdak [tidak ada] tadika tapi zaman kecik-kecik saya tengok boria dia mai [datang] minat kan? Begitu jugak tadika kita bagi asas boria, depa [mereka] buat boria dengan cara tadika budak depa [mereka] pun..dari situ kata la ada 20 oghang [orang], soghang [seorang] ja [sahaja] cukup..satu tadika 20 oghang [orang]..soghang [seorang] ja [sahaja] cukup..

**Farhah : Soghang [Seorang] cukup. (menyampuk)**

Encik Omara : Yang nak berterusan.

**Farhah : Berminat.**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Encik Omara : Yang jadi macam saya. Ok tadika lain dapat soghang [seorang]... tadika lain dapat soghang [seorang]. Kalau benda tu [itu] terlibat kan? Depa [Mereka] mai [datang] sekolah menengah, sekolah rendah..eh sekolah rendah terlibat lagi. Sekolah rendah pun aktif dalam boria. Sekolah menengah ada lagi, bila golongan ni [ini] semua jadi remaja..saya rasa kalau la kata yang..yang akan tinggai [tinggal]. Macam contoh yang kita kata...penyu teloq [telur] la, penyu berteloq [bertelur] dekat Terengganu, bukan semua anak dia yang akan hidup kan? Cuba kaji tengok balik. Cuma bila dia pi [pergi] ke laut tu [itu], yang kena makan..yang kena mati..yang kena apa tah [entah] lari lari lari..yang nak hidup mungkin sekoq [seekor] dari banyak-banyak teloq [telur]. Tapi tu [itu] la penyu yang duk mai [datang] balik, duk berteloq [bertelur] balik..tak [tidak] pupus sampai la [sekarang] ni [ini]..kerana yang tinggai [tinggal] tu [itu]..kan dia tak [tidak] pupus.

**Azyani : Hmm..(mengiyakan)**

Encik Omara : Begitu jugak boria, boria pun kalau kata oghang-oghang [orang-orang] ni [ini] ada. Haa oghang [orang] ni [ini] akan mai [datang] balik macam--dia teringat balik masa bila remaja, "Eh mungkin boleh buat boria ni [ini]". Ooo yang tua sikit, "Sat [Kejap] boria ada dah..apa-apa." Depa [Mereka] seronok..depa [mereka] tak [tidak] mau [mahu] tinggai [tinggal]..benda tu [itu] akan diwarisi ke masa depan. Jadi harapan saya pada boria, err (berfikir) kita..kita pertengahan semangat cintakan sayangkan boria ni [ini] pada zaman kanak-kanak tadika..teruih [terus] la depa [mereka] sampai sekolah rendah, sekolah menengah..sampai remaja. Dan benda ni [ini] kita tak [tidak] mengharap semua oghang [orang] buat. Satgi [Kejap lagi] dalam Malaysia ni [ini] takdak [tidak ada] kerja lain..boria ja [sahaja].

**Azyani**

**& Farhah : Hahaha (Ketawa)**

**Azyani : Semua pandai boria.**

Encik Omara : Haa [Ya]. Dia sebenarnya [sebenarnya] tak [tidak] ilang [hilang], sebab..saya sendiri..saya sayangkan seni warisan. Saya macam utara—bilal..bilal..walaupun

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

ni [ini] bukan hukum agama, kita kena sayangkan agama. Agama tu tak [tidak] boleh hilang. Seni warisan kalau ilang [hilang], kita takdak [tidak ada] identiti apa diri kita. Kita—oghang [orang] luaq [luar] mai [datang], pelancong mai [datang]..depa [mereka] nak tengok budaya kita pun kita tak [tidak] tau [tahu]. Oghang [Orang] tanya ni [ini] kata oghang [orang] putih tu [itu] dia buat kajian dalam Google boria, dia mai [datang] sini tanya boria..tapi ada la. Kami buat kajian ada oghang [orang] Pulau Pinang ni [ini] tak [tidak] tau [tahu] apa tu [itu] boria ada. Tanya boria, “Depa [Mereka] err boria?” Depa [Mereka] tak [tidak] leh [boleh] jawab..malu dak [tidak]? Oghang [Orang] luaq [luar] mai [datang] tanya kan? Padahal oghang [orang] kalut tau [tahu] tempat kita.

**Farhah : Hmm..(mengiyakan)**

Encik Omara : Aaa (berfikir) bagi saya nak dapat generasi-generasi macam..yang macam ni [ini] jugak la. Macam Azyani dengan..erm Far..Farhah, dua-dua oghang [orang] ni [ini] pun dah...hari ni [ini] la. Saya harap..lepaih [lepas] habis ni [ini] habis la kan? Mungkin jugak duk [tengah] teringat kat Encik Omara..haa ni [ini] pun jadi la. Boleh bawak benda ni [ini] untuk bantu promosi. Jadi harapan saya, supaya benda ni [ini] berterusan dan seni warisan—macam kata boria apa pun..erm dia tak [tidak] kan [akan] ilang [hilang]. Dia adalah identiti bangsa tu [itu] dan jugak oghang [orang] Melayu Malaysia kan? Sebab apa lagi kita nak bangga kalau kita—kita boleh bangga kita ada Menara Petronas, kita boleh bangga kita ada Dataran Merdeka. Tapi benda semua boleh buat. Boleh lagi dahsyat daripada kita kan? Tapi boria depa [mereka] tak [tidak] boleh.

**Azyani : Tapi ni [ini] keunikan yang kita punya kan?**

Encik Omara : Haa [Ya] tak [tidak] boleh. Tu [Itu] yang kita nak bangga tu [itu]. Yang tu [itu] la.

**Azyani : Ok terima kasih.**

Encik Omara : Sama-sama.

**[SESI TEMUBUAL TAMAT]**



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# LOG TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

MASA	PERKARA	ISI
00:18 – 00:02:16	Latar belakang tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>-Nama penuh Omar Bin Md Hashim</li><li>-Dilahirkan pada 8 April 1954</li><li>-Dilahirkan di Bukit Mertajam</li><li>-Dibesarkan di Parit Buntar, Perak dan Bukit Mertajam.</li></ul>
00:02:18- 00:02:52	Maklumat tentang keluarga tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>-Nama bapanya ialah Md. Hashim Bin Taib.</li><li>-Nama ibunya ialah Joriaa Binti Shafiee.</li><li>-Bapanya berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang.</li><li>-Ibunya berasal dari Parit Buntar, Perak.</li><li>-Bapanya bekerja di Syarikat Telekom.</li><li>-Ibunya suri rumah.</li></ul>
00:02:53- 00:03:40	Maklumat tentang adik-beradik tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>-Beliau ialah anak yang ke 1 daripada 2 orang adik-beradik</li><li>-Beliau sulung dan mempunyai adik.</li></ul>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

00:03:42- 00:07:07	Maklumat tentang isteri anak tokoh	<ul style="list-style-type: none"><li>-Nama isteri beliau ialah Azizah Binti Osman.</li><li>-Suri rumah sepenuh masa</li><li>-Mendirikan rumahtangga pada awal 1978</li><li>-Mempunyai 4 orang anak (2 lelaki 2 perempuan)</li></ul>
00:07:11- 00:19:10	Sejarah pendidikan awal	<ul style="list-style-type: none"><li>-Sekolah rendah pada tahun 1961 sampai darjah 6 di Sekolah Kebangsaan Bagan Kechil.</li><li>- Tahun 1967 sehingga Tingkatan 5 di Sekolah Dato' Onn Butterworth.</li></ul>
00:19:22- 00:24:40	Sejarah pekerjaan awal	<ul style="list-style-type: none"><li>-Pada 1973 bekerja di Syarikat Telekom Malaysia Bhd.</li><li>- Di Kuala Lumpur dan bertukar ke Pulau Pinang.</li><li>-Sehingga dia berhenti.</li></ul>
00:18:11- 00:24:40	Sumbangan yang telah diberikan	<ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau menaikkan nama kumpulan boria sehingga orang luar dapat tahu kumpulan boria beliau.</li></ul>

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

		<ul style="list-style-type: none"><li>- Beliau juga menguruskan kumpulan Ghazal Parti.</li><li>- Selain itu, beliau juga menguruskan Blog yang bernama Blog Warisan Boria.</li><li>- Beliau menjadi pengajar Kumpulan-kumpulan boria di sekolah dan sebagainya.</li></ul>
00:24:44- 00:35:08	Sejarah pelantikan tokoh maal hijrah	<ul style="list-style-type: none"><li>-Dipilih sebagai Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang 2016.</li><li>-Majlis tersebut telah dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YB Adun Pinang Tunggal, Dato Haji Roslan Bin Saidin, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara, Encik Abdul Wahab Bin Hamzah, Pengarah Pendidikan Pulau Pinang, Dr. Hj Mohd Nazari B. Yaakob dan semua ahli seni budaya Pulau Pinang.</li><li>- Beliau dianugerahkan sebagai tokoh seni budaya kerana penglibatan beliau yang aktif dalam bidang seni budaya sejak dahulu sampai sekarang.</li><li>- Menerima sebuah trofi, wang tunai RM 5000 dan sijil penghargaan.</li></ul>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menerima anugerah Tokoh Seni Budaya (Boria) Politeknik Seberang Perai pada tahun 2014.</li> <li>- Telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang.</li> </ul>
00:35:08 - 00:38:15	<b>(Encik Omara menjawab panggilan telefon)</b>	
00:40:05 – 00:41:15	Kesan daripada penganugerahan tersebut	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Merupakan penghargaan yang terbesar</li> <li>-Berasa gembira dan bersyukur</li> <li>-Meningkatkan keazaman untuk memberi lebih sumbangan dalam kumpulan boria beliau.</li> <li>-Memberikan lebih banyak penglibatan dalam pertandingan boria.</li> </ul>
00:41:21- 00:41	Peranan dan tanggungjawab beliau selepas menerima anugerah tokoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa memberi tunjuk ajar kepada ahli kumpulan.</li> <li>- Sentiasa buktikan kumpulan boria beliau sentiasa diminati.</li> </ul>
00:43:16- 00:43:45	Kriteria-kriteria yang perlu dimiliki untuk menjadi tokoh.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sentiasa menaikkan nama boria.</li> </ul>

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

		<ul style="list-style-type: none"> <li>-penglibatan dalam boria lebih aktif dari dahulu sehingga sekarang.</li> <li>-Dari segi tugas dan tanggungjawab</li> <li>-Sentiasa aktif dalam boria.</li> <li>-Pelaksanaan tugas yang dibuat</li> <li>-Sentiasa memberi komitmen yang baik.</li> <li>-Menjaga nama baik dan hubungan antara kumpulan.</li> </ul>
00:44:30- 00:45:15	Syarat-syarat pencalonan Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang 2016	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Banyak penglibatan dengan pertandingan</li> <li>-Banyak memberi tunjuk ajar kepada ahli kumpulan lain.</li> <li>-Sentiasa aktif.</li> </ul>
00:45:20- 00:51:19	Cara membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Pandai bahagikan masa</li> <li>-Masa kerja, kerja dengan sebaiknya masa dirumah beri tumpuan kepada keluarga</li> <li>-Bersyukur dapat isteri yang memahami</li> </ul>
00:51:22- 01:19:26	Misi dan rancangan masa hadapan	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Beliau akan lebih membuat banyak aktiviti melalui rancangan televisyen.</li> </ul>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

01:21:26- 01:25:20	Syarat- syarat menyertai boria	-Beliau berkata boria haruslah mempunyai minat dan bakat. -Bersungguh-sungguh dalam semua aktiviti boria
-----------------------	--------------------------------	---

# RALAT

Sewaktu temubual ini dijalankan terdapat beberapa gangguan yang menyebabkan rakaman temubual ini kurang jelas.

BIL	RALAT
1.	Bunyi kertas berselak
2.	Bunyi orang bersembang
3.	Bunyi suara budak kecil
4.	Bunyi cawan dan piring
5.	Bunyi telefon tokoh
6.	Bunyi radio
7.	Bunyi suara orang ambil order
8.	Bunyi loceng gelang
9.	Bunyi mesej daripada telefon Dato'
10.	Bunyi kerusi disorong dan ditarik
11.	Bunyi gelas di atas meja
12.	Bunyi orang menumbuk lesung batu
13.	Bunyi mesin.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# RINGKASAN

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Kami Nik Nurul Azyani Binti Zakaria dan NorFarhah Shahiera Binti Rosli telah menemubual Omar Bin Md Hashim (Omara) yang merupakan Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang 2016. Kami telah mengadakan temubual bertempat di Tesco Extra Seberang Jaya di dalam sebuah Restoran iaitu Restoran Authentic pada tarikh empat belas haribulan lima tahun dua ribu tujuh belas (14 Mei 2017) jam sepuluh lima belas minit pagi (10.15). Omar Md Hashim atau lebih dikenali sebagai Omara. Beliau dilahirkan pada 8 April 1954 di Bukit Mertajam. Beliau juga dibesarkan di Parit Buntar, Perak dan juga Bukit Mertajam. Omara mempunyai dua adik beradik. Isteri beliau bernama Azizah Binti Osman. Beliau berkahwin pada tahun 1978 dan dikurniakan 4 orang cahaya mata iaitu dua lelaki dan dua perempuan.

Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth pada tahun 1961. Kemudian, beliau melanjutkan pelajarannya ke Sekolah Dato' Onn, Butterworth pada tahun 1967 sehingga 1971. Beliau mula bermain boria pada tahun 1964, beliau pada ketika itu berada di Darjah 4 Sekolah Kebangsaan Bagan Tuan Kechil, Butterworth. Pada tahun 1970, beliau telah menerima Johan Boria Pulau Pinang semasa berada di Sekolah Dato' Onn Butterworth. Kemudian pada tahun 1972, beliau telah melibatkan diri dengan Kumpulan Boria BISMA di Simpang Empat Bukit Tengah, Bukit Mertajam.

Beliau dianugerahkan sebagai tokoh seni budaya kerana penglibatan beliau yang aktif dalam bidang seni budaya sejak dahulu sampai sekarang terutama usaha beliau untuk memartabatkan seni warisan Pulau Pinang iaitu boria. Beliau telah menerima sebuah trofi, wang tunai RM 5000 dan sijil penghargaan. Antara sumbangan yang telah melayakkan Omara mendapat anugerah tokoh adalah beliau menaikkan semula boria ketika boria mengalami penurunan dari segi pengaktifan dan penglibatan. Beliau menaikkan semula nama boria melalui blog beliau sendiri iaitu Warisan Boria pada 12 tahun yang lalu.

Sebelum itu, bapa kepada dua anak lelaki dan dua anak perempuan ini juga telah menerima anugerah Tokoh Seni Budaya (Boria) Politeknik Seberang Perai pada tahun 2014. Penyampaian anugerah tokoh tersebut telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Haji Mohd Yussof Latiff, Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang. Selain itu, penganugerahan tersebut telah memberi semangat kepada beliau untuk terus aktif dalam bidang seni budaya dan menaikkan lagi seni warisan Boria.

Sebagai Tokoh Seni Budaya, beliau berharap apabila melakukan sesuatu, generasi muda kini hendaklah melakukan dengan bersungguh-sungguh, janganlah melakukan sambil lewa seperti hanya sekerat jalan serta fokus dan tetapkan hati kepada perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada diri kita maka barulah kita boleh berjaya. Selain itu, untuk berjaya, hendaklah kita bersusah dahulu maka barulah kita boleh berjaya di kemudian hari. Pada tahun 2008, beliau telah menubuhkan kumpulan beliau sendiri iaitu Kumpulan Boria Asli Pulau Pinang. Boria dengan diri beliau tidak dapat dipisahkan umpama "irama dan lagu". Selain itu, beliau juga turut mereka puisi serta rangkap karangan dalam boria. Beliau juga pernah menjadi tukang karang dan sailor. Semasa berada di Tingkatan 1, beliau telah menyertai pasukan boria sekolah dan telah memenangi tempat pertama dalam pertandingan. Oleh itu, menurut Omara bagi syarat-syarat untuk menyertai boria, seseorang itu hendaklah mempunyai bakat dan juga minat yang mendalam terhadap boria. Selain itu, bilangan anggota sebuah kumpulan boria pada masa kini adalah antara 15 ke 20 orang berbanding pada masa dahulu di mana bilangan anggota sebuah kumpulan adalah seramai 80 orang.

Omara mempunyai dua orang idola yang telah dicontohi dan dikagumi dalam bidang seni Boria iaitu Hj. Abu Bakar Bin Jaafar atau lebih dikenali sebagai Pak Kar yang merupakan salah seorang Tokoh Boria dan Abdullah Darus atau Pak Lah yang juga merupakan Tokoh Boria di mana beliau banyak mendapat pengalaman dan ilmu tentang boria melalui mereka.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# DIARI KAJIAN

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

BIL	TARIKH	PERKARA
1.	7 Mac 2017	Pengenalan kepada subjek sejarah lisan.
2.	14 Mac 2017	Pensyarah memberitahu tugas ini boleh dilakukan secara berpasangan.  Berbincang dan senaraikan tajuk-tajuk untuk membuat tugas ini.
3.	21 Mac 2017	Pemilihan tajuk kertas kerja serta memulakan pencarian tokoh yang ingin ditemubual.
4.	28 Mac 2017	Sepakat untuk memilih Tokoh Seni Budaya Negeri Pulau Pinang 2016.  Mendapatkan persetujuan dari pensyarah untuk menemubual tokoh.  Menghubungi tokoh melalui emel dan menyatakan tujuan kami untuk menemubual beliau.
5.	30 Mac 2017	Mendapat maklum balas daripada Encik Omara dan menyatakan persetujuan beliau untuk ditemubual serta memberi nombor telefonnya untuk kami hubungi nanti.  Kami memberi maklum balas kepada emel beliau dan meminta beliau untuk berkongsi sedikit maklumat mengenai beliau serta
6.	2-5 April 2017	Mendapat maklum balas daripada Encik Omara mengenai sedikit maklumat beliau.  Menyatakan akan memaklumkan semula tarikh untuk temubual.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

		Pengumpulan dan pencarian maklumat berkaitan Encik Omara dengan lebih mendalam.
7.	16 April 2017	Kami telah menelefon Encik Omara dan menyatakan semula tujuan kami untuk menemubual beliau.  Kami memberitahu tarikh untuk temubual iaitu pada 14 Mei 2017 (Ahad).
8.	18-22 April 2017	Menjana soalan untuk temubual.
9.	8 Mei 2017	Kami menelefon Encik Omara untuk menanyakan lokasi untuk mengadakan sesi temubual bersama beliau.
10.	9 Mei 2017	Menunjukkan soalan temubual kepada pensyarah.
11.	13 Mei 2017	Kami menelefon sekali lagi untuk tujuan pengesahan tarikh temubual.
12.	14 Mei 2017	Sesi temubual diadakan dengan tokoh di dalam Restoran Authentic di Tesco Extra Seberang Jaya.
13.	15 Mei-23 Jun 2017	Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama tokoh
14.	6 Julai 2017	Penghantaran transkrip kepada tokoh.
15.	10 Julai 2017	Tarikh penghantaran transkrip.

# **SENARAI SOALAN**

**a) Latar belakang**

1. Bilakah Encik dilahirkan?
2. Di manakah tempat Encik dilahirkan?
3. Encik dibesarkan di mana?
4. Di manakah Encik menetap sekarang?
5. Apakah hobi Encik pada masa lapang?
6. Siapakah nama bapa Encik?
7. Siapakah nama ibu Encik?
8. Ibumama Encik berasal dari mana?
9. Apakah pekerjaan ibu bapa Encik?
10. Berapakah bilangan adik-beradik Encik?
11. Encik anak yang ke berapa?
12. Siapakah nama isteri Encik?
13. Apakah pekerjaan isteri Encik?
14. Bilakah Encik mendirikan rumahtangga?
15. Encik dan isteri dikurniakan berapa orang cahaya mata?
16. \*Bolehkah Encik ceritakan serba sedikit tentang anak-anak Encik?

**b) Sejarah Pendidikan Awal**

17. Bilakah Encik mula-mula menjejakkan kaki ke alam persekolahan?
18. Apakah nama sekolah rendah Encik belajar dahulu?
19. Apakah nama sekolah menengah itu?
20. Ketika sekolah menengah, adakah Encik ada mengikuti apa-apa aktiviti ataupun persatuan berkenaan seni dan budaya?
21. Adakah pengalaman Encik semasa mengikuti aktiviti persatuan semasa sekolah menengah dahulu telah member sedikit sebanyak meningkatkan diri Encik ketika zaman remaja?
22. Adakah Encik ada memegang apa-apajawatan didalam persatuan semasa sekolah menengah dahulu?

23. Adakah Encik pernah mendapat apa-apa anugerah ataupun pengiktirafan ketika menuntut di sekolah tersebut?
24. Selepas Encik menamatkan zaman persekolahan, adakah Encik melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi?
25. Apa pandangan keluarga Encik serta adik-beradik yang lain dalam bidang yang Encik ceburi?

**c) Sejarah pekerjaan awal**

26. Apakah pekerjaan Encik ketika itu?
27. Apakah nama atau syarikat Encik bekerja dahulu?
28. Dimanakah lokasi tempat Encik bekerja?
29. Bilakah Encik mula mendapat pekerjaan ini?
30. Apakah jawatan yang disandang Encik ketika itu?
31. Apakah tugas dan tanggungjawab Encik ketika itu?
32. Apakah pengalaman Encik dapat dari pekerjaan itu?
33. Pernahkah Encik dinaikkan pangkat semasa bekerja disitu?
34. Apakah cabaran yang paling sukar untuk Encik semasa memegang jawatan tersebut?
35. Berapa lamakah Encik berkhidmat di tempat tersebut?
36. Selain daripada itu, adakah Encik pernah berhenti dan memohon pekerjaan lain?

**d) Sejarah pelantikan Tokoh Boria Pulau Pinang**

37. Bilakah Encik dipilih sebagai tokoh seni budaya Pulau Pinang?
38. Siapakah yang menganugerahkan tokoh tersebut kepada Encik?
39. Dalam anjuran atau festival apakah penganugerahan tokoh dianugerahkan kepada Encik?
40. Siapakah tetamu kehormat yang hadir pada majlis itu?
41. Apakah sumbangan yang telah Encik lakukan sehingga Encik dianugerahkan tokoh tersebut?

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

42. Pada tahun 2014, siapakah yang menganugerahkan tokoh seni budaya (boria) Politeknik Seberang Perai?
43. Dalam anjuran atau festival apakah penganugerahan tokoh tersebut diadakan?
44. Apakah kesan positif yang perlu Encik lakukan selepas menerima pelantikan tokoh tersebut?
45. Apakah peranan dan tanggungjawab Encik selepas menerima anugerah tokoh tersebut?
46. Apakah cabaran yang perlu Encik hadapkan selepas menerima anugerah tokoh ini?
47. Apakah kriteria-kriteria yang perlu ada untuk menerima anugerah tokoh ini?
48. Apakah syarat-syarat yang perlu ada untuk menerima anugerah ini?
49. Bagaimanakah Encik membahagikan masa antara kerjaya dan keluarga?
50. Pada masa yang akan datang, apakah misi dan rancangan yang Encik ingin lakukan?

**d) Penglibatan dalam Boria**

51. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam bidang seni budaya (Boria) ini?
52. Apakah syarat-syarat yang diperlukan untuk menyertai boria?
53. Berapakah bilangan anggota kumpulan boria ini?
54. Apakah watak-watak yang terdapat dalam kumpulan boria?
55. Apakah tema yang sering dipersembahkan?
56. Apakah warna kumpulan boria Encik?
57. Siapakah idola dalam bidang seni budaya (Boria) yang Encik contohi?
58. Bagaimana Encik mendapat ilham untuk menulis skrip dan rangkap karangan boria?
59. Pernahkah Encik mendapat jemputan untuk membuat persembahan boria di luar Pulau Pinang?
60. Pada tahun ini, berapakah persembahan boria yang telah dipersembahkan?
61. Dimanakah persembahan tersebut diadakan?

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

# INDEKS

## A

Azizah Binti Osman, 21

## B

Bilangan ahli boria, 71

Blog Warisan Boria, 72

Boria, 5

Boria asal, 76

Boria moden, 76

Bujang Lapok, 74

Bukit Mertajam, 26

Butterworth, 27

## D

Dendang Rakyat, 66

Destinasi Ukhuwah, 64

Dikir Barat, 43

Dondang Sayang, 94

## G

Ghazal Johor, 78

Ghazal Parti, 78

## H

Hotel Royal Chulan, 50

## I

Idola boria, 56

## J

Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara (JKKN), 40

Jabatan Pendidikan, 41

Jabatan Telekom, 21

## K

Keistimewaan boria, 58

Kepulauan Riau, 63

Kerani Kanan, 24

Kesan positif, 40

Ketua Polis, 51

Kuala Lumpur (KL), 46

Kudrat Rantai, 20

## L

Labu Labi, 70

## M

M. Shariff, 47

Malaysia Book of Records, 78

Mentari dan Bumi, 68

## O

Omara, 3

## P

Padang Kota, 60

Parit Buntar, 21

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, 12

Pengarah Pelajaran, 30

Perdana Menteri, 29

Permatang Pauh, 21

Persatuan Agama Islam, 33

Persatuan Bahasa Malaysia, 36

Persembahan boria, 30

PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), 24

Politeknik Seberang Perai, 21

Presiden Persatuan Melayu Pulau Pinang, 23

Puisi, 40

Pulau Pinang, 20

## R

Rangkap karangan, 40

Roslan Saidin, 51

RTM (Radio Televisyen Malaysia), 57

## S

Sasterawan Negara, 36

Seberang Perai, 21

Seni Budaya, 29

Sekolah Dato' Onn, 21

SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), 24

Sungai Kerian, 80

Suri rumah, 18

Syarat sertai boria, 72

## T

Telegraf, 60

Tema boria, 76

Tokoh Seni Budaya, 3

Tragedi 12 September, 61

## W

Warna boria, 73

Watak dalam boria, 75

## Y

Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, 24

YB Pinang Tunggal, 24

# RUJUKAN

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI

Berita Harian. (2014). *Boria mengkritik sambil menghibur*. Retrieved 4 April 2017 from <http://warisanboria.blogspot.my/>

Boria Omara. (2017). *Anugerah tokoh*. Retrieved 3 April 2017 from <http://boriomara.blogspot.my/2017/01/>

Laman Web Rasmi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (n.d.). *Tokoh seni budaya negeri Pulau Pinang 2016*. Retrieved 3 April 2017 from <http://www.jkkn.gov.my/ms/jkkn-pulau-pinang>

New Sunday Times. (2014). *Boria beats louder, bolder*. Retrieved 3 April 2017 from <http://warisanboria.blogspot.my/>



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KELANTAN

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN


Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA Kelantan dengan Omar Md. Hashim.....

Pada 14/5/2017.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA Kelantan untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Kelantan boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada sernua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh). Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

  
.....  
Pengkisah (interviewee)

  
.....  
DR. AZREE BIN AHMAD  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan  
08400  
Ketua Pusat Pengajian  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA Kelantan



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA SHAH ALAM

SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya OMAR BIN MD HASHIM

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk OMARA DAN BORIA PULAU PINANG

daripada penemubual iaitu NIK NYRUL AZYANI BINTI JAKARIA dan NORPARHAH SHAHIRA BINTI ROSLI. Transkrip ini telah diserahkan kepada saya pada .....

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) 017-4430091 (No. tel bimbit)
- b) ..... (No. tel. rumah)
- c) ..... (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

B-16, PANGSAPURI PAUH DAMAI, JALAN PAUH 1,  
13500 PERMATANG PAUH, ~~PERANG~~ PERANG,  
SEBERANG PERAI, PULAU PINANG.

Nama : OMAR BIN MD HASHIM

Tandatangan : 

Tarikh : 6/7/2017

# GAMBAR

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI




Akhbar New Sunday Times Boria Omara 2014




Berita Harian Boria Omara

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



**Dewan Budaya muka depan Mei 2017**



**Semasa Majlis Penganugerahan Tokoh Boria**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI




Sesi Temubual Omara semasa menerima anugerah Tokoh



Poster Boria Omara martabatkan warisan boria

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



**Trofi penganugerahan Tokoh Seni Budaya Pulau Pinang 2016**



**Trofi semasa menerima anugerah Tokoh Seni Budaya Karyawan (Boria) 2014**

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA OMAR BIN MD HASHIM (OMARA) DAN BORIA ASLI  
PULAU PINANG

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



**Semasa sesi temuramah di Restoran Authentic, Tesco Extra Seberang Jaya**



**Bergambar bersama Omara, isteri dan cucunya semasa pergi beraya di rumahnya.**

NIK NURUL AZYANI BINTI ZAKARIA  
NORFARHAH SHAHIERA BINTI ROSLI



**Semasa pergi beraya di kediamannya.**